

**KAJIAN PERSEPSI MASYARAKAT
TERHADAP BANGUNAN KOLONIAL DI
BANDAR TAIPING: MUZIUM PERAK
SEBAGAI KAJIAN KES**

MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN ABDUL RASHID

**UNIVERSITI
MAKALAN
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN**

2024



**KAJIAN PERSEPSI MASYARAKAT
TERHADAP BANGUNAN KOLONIAL DI
BANDAR TAIPING: MUZIUM PERAK
SEBAGAI KAJIAN KES**

DISEDIAKAN OLEH:

MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN ABDUL RASHID

UNIVERSITI

Projek penyelidikan disediakan bagi memenuhi syarat Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

| | | |
|-------------------------------------|----------------------------------|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| <input type="checkbox"/> | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah |
| | Dari tarikh _____ sehingga _____ | |
| <input type="checkbox"/> | SULIT | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| <input type="checkbox"/> | TERHAD | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

حصان الدين

Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: Muhammad Hafizuddin
Bin Abdul Rashid
No. Kad Pengenalan: 000629-02-0595
Tarikh: 14 Februari 2024

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia: Cik Noridayu Binti Bakry
Tarikh: 14 Februari 2024

PENGHARGAAN

Ucapan syukur yang tidak terhingga ke hadra ilahi, kerana dengan limpah kurniaNya yang telah membolehkan saya menyelesaikan penulisan tesis ini dengan sempurna dan berjaya. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Cik Noridayu Binti Bakry, penyelia Projek Penyelidikan saya yang telah banyak memberikan buah fikiran, bimbingan dan ilmu dalam menyempurnakan penulisan kajian ini. Tanpa bimbingan, tunjuk ajar dan teguran beliau mungkin saya akan menghadapi kesukaran dalam menyiapkan kajian ini.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa saya yang telah memberikan sokongan emosi, rohani dan moral. Sokongan mereka telah menguatkan saya dalam meneruskan penyelidikan ini. Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya dalam projek penyelidikan ini. Saya amat menghargai bantuan dan sokongan daripada rakan-rakan.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua individu yang telah membantu saya secara langsung atau tidak dalam menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

Kajian Persepsi Masyarakat Terhadap Bangunan Kolonial Di Bandar Taiping: Muzium Perak Sebagai Kajian Kes

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial di Bandar Taiping khususnya Muzium Perak sebagai kajian kes. Dalam era globalisasi dan pemodenan sekarang, perhatian terhadap warisan budaya dan sejarah sering diabaikan oleh masyarakat. Namun begitu, memahami dan menghargai warisan sejarah adalah penting dalam mengekalkan identiti dan budaya masyarakat. Bandar Taiping ialah sebuah bandar bersejarah yang kaya dengan warisan sejarah dan budaya. Muzium Perak, sebagai sebuah bangunan kolonial yang terkenal di Bandar Taiping, mempunyai nilai sejarah yang penting. Namun begitu, perhatian dan minat masyarakat terhadap bangunan ini masih menjadi tanda tanya. Kajian ini menekankan persepsi masyarakat terhadap Muzium Perak dan bertujuan untuk memahami bagaimana masyarakat melihat dan menghargai bangunan kolonial ini. Dengan memahami persepsi masyarakat terhadap bangunan ini, strategi yang lebih berkesan boleh dibangunkan untuk menarik minat mereka dan memastikan warisan budaya dan sejarah tidak dilupakan. Hasil kajian ini juga boleh digunakan sebagai asas untuk membangunkan strategi yang lebih baik untuk menarik minat masyarakat terhadap warisan sejarah, serta mengukuhkan pemahaman mereka tentang nilai budaya dan sejarah yang penting untuk jati diri masyarakat. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan yang besar dalam memahami persepsi Masyarakat terhadap bangunan kolonial khususnya Muzium Perak di Bandar Taiping dan membangunkan usaha yang lebih mampan untuk mengekalkan dan mempromosikan warisan budaya dan sejarah pada masa hadapan.

Kata kunci: persepsi belia, bangunan kolonial, Muzium Perak, Bandar Taiping, warisan budaya, pemodenan.

A Study of Community Perceptions of Colonial Buildings in Taiping City: Perak Museum as a Case Study

ABSTRACT

This study aims to examine the community's perception of colonial buildings in Taiping City, particularly the Perak Museum as a case study. In the current era of globalization and modernization, attention to cultural and historical heritage is often neglected by society. Nevertheless, understanding and appreciating the historical heritage is important in maintaining the identity and culture of the community. Taiping City is a historic city rich in historical and cultural heritage. The Perak Museum, as a famous colonial building in Taiping Town, has important historical value. However, the community's attention and interest in this building is still a question mark. This study emphasizes the community's perception of the Perak Museum and aims to understand how the community sees and appreciates this colonial building. By understanding the community's perception of these buildings, more effective strategies can be developed to appeal to them and ensure that the cultural and historical heritage is not forgotten. The results of this study can also be used as a basis for developing better strategies to attract the public's interest in historical heritage, as well as strengthen their understanding of the cultural and historical values that are important to the community's identity. This study is expected to make a significant contribution in understanding the community's perception of colonial buildings, especially the Silver Museum in Taiping Town and develop a more sustainable effort to maintain and promote cultural and historical heritage in the future.

Keywords: *youth perception, colonial buildings, Perak Museum, Taiping City, cultural heritage, modernization.*

SENARAI KANDUNGAN

| KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|-------------------|------------|
| PENGHARGAAN | i |
| ABSTRAK | ii |
| <i>ABSTRACT</i> | iii |
| SENARAI KANDUNGAN | iv |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI RAJAH | xx |

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

KANDUNGAN**MUKA SURAT****BAB 1 PENDAHULUAN**

| | | |
|-------|---|----|
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang | 1 |
| 1.3 | Permasalahan Kajian | 3 |
| 1.3.1 | Bangunan Yang Memiliki Nilai Sejarah Masih Kurang Diberi Perhatian Dalam Kalangan Masyarakat. | 6 |
| 1.3.2 | Pengaruh Media, Teknologi Dan Kemajuan Pembangunan telah Mengubah Perhatian Dan Minat Masyarakat. | 10 |
| 1.3.3 | Kurang Pengetahuan Masyarakat Masa Kini Terhadap Sejarah | 11 |
| 1.4 | Persoalan Kajian | 7 |
| 1.5 | Objektif Kajian | 8 |
| 1.6 | Skop Kajian | 8 |
| 1.6.1 | Lokasi Kajian | 8 |
| 1.6.2 | Jenis Responden | 9 |
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 10 |
| 1.7.1 | Pengkaji | 10 |
| 1.7.2 | Masyarakat | 11 |
| 1.8 | Definisi Terminologi | 12 |
| 1.8.1 | Definisi Persepsi | 13 |
| 1.8.2 | Definisi Masyarakat | 14 |
| 1.8.3 | Definisi Kolonial | 15 |
| 1.8.4 | Definisi Muzium | 15 |
| 1.10 | Penutup | 16 |

| | | |
|--------------|---|----|
| BAB 2 | SOROTAN KAJIAN | |
| 2.1 | Pengenalan | 17 |
| 2.2 | Sejarah Perkembangan Bandar Taiping | 17 |
| 2.2.1 | Bandar Taiping | 19 |
| 2.2.2 | Zaman Kolonial Di Bandar Taiping | 20 |
| 2.2.3 | Muzium Perak | 21 |
| 2.3 | Bangunan Bersejarah dan impak terhadap Masyarakat Tempatan | 22 |
| 2.3.1 | Binaan Bersejarah Membentuk Jati Diri Masyarakat | 24 |
| 2.3.2 | Binaan Bersejarah: Perspektif Terhadap Pembangunan Bandar Warisan | 26 |
| 2.3.3 | Kajian Mengenai Manfaat Retrofit Kepada Bangunan Bersejarah | 28 |
| 2.3.4 | Guna Suai Bangunan Bersejarah Sebagai Medium Pendidikan | 30 |
| 2.4 | Penutup | 32 |

| | | |
|--------------|----------------------------|----|
| BAB 3 | METODOLGI KAJIAN | |
| 3.1 | Pengenalan | 33 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 34 |
| 3.2.1 | Kaedah Kuantitatif | 35 |
| 3.3 | Lokasi Kajian | 36 |
| 3.4 | Populasi Dan Sampel Kajian | 37 |
| 3.5 | Kaedah Pengumpulan Data | 37 |

| | | |
|---------|-----------------------|----|
| 3.5.1 | Data Primer | 38 |
| 3.5.1.1 | Tinjauan Soal Selidik | 39 |
| 3.5.2 | Data Sekunder | 39 |
| 3.5.2.1 | Internet | 40 |
| 3.5.2.1 | Jurnal | 41 |
| 3.5.2.1 | Kajian Kepustakaan | 42 |
| 3.6 | Analisis Data | 43 |
| 3.7 | Penutup | 44 |

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-------|--|----|
| 4.1 | Pengenalan | 46 |
| 4.2 | Analisi Demografi Responden | 46 |
| 4.2.1 | Demografi Responden Berdasarkan Jantina | 47 |
| 4.2.2 | Demografi Responden Berdasarkan Umur | 48 |
| 4.2.3 | Demografi Responden Berdasarkan Bangsa | 49 |
| 4.2.4 | Demografi Responden Berdasarkan Agama | 50 |
| 4.2.5 | Demografi Responden Berdasarkan Status | 51 |
| 4.2.6 | Demografi Responden Berdasarkan Pekerjaan | 52 |
| 4.2.7 | Demografi Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan | 53 |
| 4.3 | Analisis Persepsi Masyarakat Di Bandar Taiping Terhadap Bangunan Kolonial, Muzium Perak. | 54 |

| | | |
|-------|---|-----|
| 4.3.1 | Persepsi Dari Aspek Sejarah Dan Kepentingan Bangunan Muzium Perak. | 54 |
| 4.3.2 | Persepsi Dari Aspek Pengalaman Dan Emosi. | 64 |
| 4.3.3 | Persepsi Dari Aspek Pengaruh Kepada Komuniti Dan Perkembangan Bandar Taiping | 74 |
| 4.3.4 | Persepsi Dari Aspek Pemeliharaan Dan Konservasi | 84 |
| 4.3.5 | Persepsi Dari Aspek Peranan Terhadap Pendidikan Dan Pelancongan | 94 |
| 4.4 | Analisis Faktor Yang Mempengaruhi Persepsi Masyarakat Terhadap Bangunan Kolonial, Muzium Perak. | 82 |
| 4.4.1 | Faktor Pengetahuan Dan Pendidikan | 104 |
| 4.4.2 | Faktor Pengalaman Pribadi Dan Emosi | 114 |
| 4.4.3 | Faktor Pengaruh Media Dan Representasi Budaya | 123 |
| 4.4.4 | Faktor Perkaitan Identiti Nasional Dan Budaya | 133 |
| 4.4.5 | Faktor Persepsi Pemeliharaan | 138 |
| 4.4.6 | Faktor Perbandingan Dengan Bangunan Moden | 143 |
| 4.4.7 | Faktor Kesan Terhadap Dampak Sosial | 148 |
| 4.6 | Penutup | 153 |

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

| | | |
|-------|--------------------------------------|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 154 |
| 5.2 | Rumusan | 154 |
| 5.2.1 | Rumusan Analisis Persepsi Masyarakat | |

Di Bandar Taiping Terhadap
Bangunan Muzium Perak.

| | | |
|---------|--|-----|
| 5.2.1.1 | Rumusan Analisis Terhadap Persepsi Dari Aspek Sejarah Dan Kepentingan Bangunan Muzium Perak. | 155 |
| 5.2.1.2 | Rumusan Analisis Terhadap Persepsi Dari Aspek Pengalaman Dan Emosi. | 156 |
| 5.2.1.3 | Rumusan Analisis Terhadap Persepsi Dari Aspek Pengaruh Kepada Komuniti Dan Perkembangan Bandar Taiping | 158 |
| 5.2.1.4 | Rumusan Analisis Terhadap Persepsi Dari Aspek Pemeliharaan Dan Konservasi | 159 |
| 5.2.1.5 | Rumusan Analisis Terhadap Persepsi Dari Aspek Peranan Terhadap Pendidikan Dan Pelancongan | 160 |
| 5.2.2 | Rumusan Analisis Faktor Yang Mempengaruhi Persepsi Masyarakat Terhadap Bangunan Kolonial, Muzium Muzium Perak. | 161 |
| 5.2.2.1 | Rumusan Analisis Terhadap Faktor Pengetahuan Dan Pendidikan | 161 |
| 5.2.2.2 | Rumusan Analisis Terhadap Faktor Pengalaman Pribadi Dan Emosi | 162 |
| 5.2.2.3 | Rumusan Analisis Terhadap Faktor Pengaruh Media Dan Representasi Budaya | 163 |
| 5.2.2.4 | Rumusan analisis Terhadap Faktor Perkaitan Identiti Nasional Dan Budaya | 164 |
| 5.2.2.5 | Rumusan Analisis Terhadap Faktor Persepsi Pemeliharaan | 165 |

| | | |
|----------------|--|-----|
| 5.2.2.6 | Rumusan Analisis Terhadap Faktor Perbandingan Dengan Bangunan Moden | 166 |
| 5.3 | Cadangan | 167 |
| 5.3.1 | Inisiatif Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Terhadap Bangunan Muzium Perak | 167 |
| 5.3.2 | Inisiatif Meningkatkan Pengetahuan Masyarakat Terhadap Bangunan Muzium Perak | 167 |
| 5.4 | Penutup | 170 |
| Rujukan | | 171 |

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI JADUAL

| NO. | | MUKA SURAT |
|------|---|------------|
| 3.1 | Jadual Kaedah Kajian | 43 |
| 4.1 | Jadual Taburan responden mengikut jantina | 47 |
| 4.2 | Jadual Taburan responden mengikut umur | 48 |
| 4.3 | Jadual Taburan responden mengikut bangsa | 49 |
| 4.4 | Jadual Taburan responden mengikut Agama | 50 |
| 4.5 | Jadual Taburan responden mengikut Status Sosial | 51 |
| 4.6 | Jadual Taburan responden mengikut Pekerjaan | 52 |
| 4.7 | Jadual Taburan responden mengikut Taraf Pendidikan | 53 |
| 4.8 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak hanya sebagai bangunan bersejarah yang ditinggalkan oleh bekas penjajah’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 57 |
| 4.9 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak hanya sebagai bangunan bersejarah yang ditinggalkan oleh bekas penjajah’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 47 |
| 4.10 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak hanya sebagai bangunan bersejarah yang ditinggalkan oleh bekas penjajah’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | 58 |
| 4.11 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak hanya sebagai bangunan bersejarah yang ditinggalkan oleh bekas penjajah’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. | 58 |
| 4.12 | Analisis penyataan ‘Saya beranggapan kewujudan bangunan Muzium Perak, memainkan peranan yang penting terhadap kepentingan sejarah bandar Taiping, Negeri Perak dan Negara’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 61 |
| 4.13 | Analisis penyataan ‘Saya beranggapan kewujudan bangunan Muzium Perak, memainkan peranan yang penting terhadap kepentingan sejarah bandar Taiping, Negeri Perak dan Negara’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 62 |

| | | |
|------|---|----|
| 4.14 | Analisis pernyataan ‘Saya beranggapan kewujudan bangunan Muzium Perak, memainkan peranan yang penting terhadap kepentingan sejarah bandar Taiping, Negeri Perak dan Negara’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | 62 |
| 4.15 | Analisis pernyataan ‘Saya beranggapan kewujudan bangunan Muzium Perak, memainkan peranan yang penting terhadap kepentingan sejarah bandar Taiping, Negeri Perak dan Negara’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. | 63 |
| 4.16 | Analisis pernyataan ‘Sewaktu melawat bangunan Muzium Perak saya melihat bangunan berkenaan sebagai sebuah binaan yang hebat dan megah serta boleh dibanggakan’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 66 |
| 4.17 | Analisis pernyataan ‘Sewaktu melawat bangunan Muzium Perak saya melihat bangunan berkenaan sebagai sebuah binaan yang hebat dan megah serta boleh dibanggakan’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 67 |
| 4.18 | Analisis pernyataan ‘Sewaktu melawat bangunan Muzium Perak saya melihat bangunan berkenaan sebagai sebuah binaan yang hebat dan megah serta boleh dibanggakan’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | 67 |
| 4.19 | Analisis pernyataan ‘Sewaktu melawat bangunan Muzium Perak saya melihat bangunan berkenaan sebagai sebuah binaan yang hebat dan megah serta boleh dibanggakan’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. | 68 |
| 4.20 | Analisis pernyataan ‘Sewaktu melawat bangunan Muzium Perak saya melihat bangunan berkenaan sebagai sebuah binaan yang hebat dan megah serta boleh dibanggakan’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 71 |
| 4.21 | Analisis pernyataan ‘Sewaktu melawat bangunan Muzium Perak saya melihat bangunan berkenaan sebagai sebuah binaan yang hebat dan megah serta boleh dibanggakan’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 72 |
| 4.22 | Analisis pernyataan ‘Sewaktu melawat bangunan Muzium Perak saya melihat bangunan berkenaan sebagai sebuah binaan yang hebat dan megah serta boleh dibanggakan’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | 72 |
| 4.23 | Analisis pernyataan ‘Sewaktu melawat bangunan Muzium Perak saya melihat bangunan berkenaan sebagai sebuah binaan yang hebat dan megah serta boleh dibanggakan’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. | 73 |

| | | |
|------|---|----|
| 4.24 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai penyumbang kepada sektor ekonomi dan perkembangan Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 77 |
| 4.25 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai penyumbang kepada sektor ekonomi dan perkembangan Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 77 |
| 4.26 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai penyumbang kepada sektor ekonomi dan perkembangan Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | 78 |
| 4.27 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai penyumbang kepada sektor ekonomi dan perkembangan Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi taraf demografi responden. | 78 |
| 4.28 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai sebahagian daripada identiti dan budaya di Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 81 |
| 4.29 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai sebahagian daripada identiti dan budaya di Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 82 |
| 4.30 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai sebahagian daripada identiti dan budaya di Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | 82 |
| 4.31 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai sebahagian daripada identiti dan budaya di Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. | 83 |
| 4.32 | Analisis penyataan ‘Saya beranggapan bangunan Muzium Perak sebagai sebuah bangunan yang sudah berusia dan perlu diselenggara serta dipelihara dengan baik’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 86 |
| 4.33 | Analisis penyataan ‘Saya beranggapan bangunan Muzium Perak sebagai sebuah bangunan yang sudah berusia dan perlu diselenggara serta dipelihara dengan baik’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 87 |
| 4.34 | Analisis penyataan ‘Saya beranggapan bangunan Muzium Perak sebagai sebuah bangunan yang sudah berusia dan perlu | 87 |

| | | |
|------|--|-----|
| | diselenggara serta dipelihara dengan baik' berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | |
| 4.35 | Analisis penyataan ‘Saya beranggapan bangunan Muzium Perak sebagai sebuah bangunan yang sudah berusia dan perlu diselenggara serta dipelihara dengan baik’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. | 88 |
| 4.36 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai sebuah bangunan lama dan berusia serta memerlukan pemuliharaan yang teliti’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 91 |
| 4.37 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai sebuah bangunan lama dan berusia serta memerlukan pemuliharaan yang teliti’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 92 |
| 4.38 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai sebuah bangunan lama dan berusia serta memerlukan pemuliharaan yang teliti’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | 92 |
| 4.39 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai sebuah bangunan lama dan berusia serta memerlukan pemuliharaan yang teliti’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. | 93 |
| 4.40 | Analisis penyataan ‘Saya beranggapan bangunan Muzium Perak banyak memainkan peranan sebagai institusi pendidikan’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 96 |
| 4.41 | Analisis penyataan ‘Saya beranggapan bangunan Muzium Perak banyak memainkan peranan sebagai institusi pendidikan’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 97 |
| 4.42 | Analisis penyataan ‘Saya beranggapan bangunan Muzium Perak banyak memainkan peranan sebagai institusi pendidikan’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | 97 |
| 4.43 | Analisis penyataan ‘Saya beranggapan bangunan Muzium Perak banyak memainkan peranan sebagai institusi pendidikan’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. | 98 |
| 4.44 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai ikon yang memainkan peranan yang penting dalam sektor pelancongan di Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 101 |

| | | |
|------|--|-----|
| 4.45 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai ikon yang memainkan peranan yang penting dalam sektor pelancongan di Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 101 |
| 4.46 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai ikon yang memainkan peranan yang penting dalam sektor pelancongan di Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | 102 |
| 4.47 | Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai ikon yang memainkan peranan yang penting dalam sektor pelancongan di Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. | 102 |
| 4.48 | Analisis penyataan ‘Saya mempunyai banyak pengetahuan berkaitan sejarah di negara ini termasuk mengenai bangunan Muzium Perak’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 106 |
| 4.49 | Analisis penyataan ‘Saya mempunyai banyak pengetahuan berkaitan sejarah di negara ini termasuk mengenai bangunan Muzium Perak’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 107 |
| 4.50 | Analisis penyataan ‘Saya mempunyai banyak pengetahuan berkaitan sejarah di negara ini termasuk mengenai bangunan Muzium Perak’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | 107 |
| 4.51 | Analisis penyataan ‘Saya mempunyai banyak pengetahuan berkaitan sejarah di negara ini termasuk mengenai bangunan Muzium Perak’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. | 108 |
| 4.52 | Analisis penyataan ‘Saya mendapat akses maklumat dan data melalui internet, perpustakaan dan institusi pendidikan dengan baik mengenai bangunan Muzium Perak’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 111 |
| 4.53 | Analisis penyataan ‘Saya mendapat akses maklumat dan data melalui internet, perpustakaan dan institusi pendidikan dengan baik mengenai bangunan Muzium Perak’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 112 |
| 4.54 | Analisis penyataan ‘Saya mendapat akses maklumat dan data melalui internet, perpustakaan dan institusi pendidikan dengan baik mengenai bangunan Muzium Perak’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | 112 |

| | | |
|------|---|-----|
| 4.55 | Analisis penyataan ‘Saya mendapat akses maklumat dan data melalui internet, perpustakaan dan institusi pendidikan dengan baik mengenai bangunan Muzium Perak’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. | 113 |
| 4.56 | Analisis penyataan ‘Saya merasa teruja dan takjub ketika melihat bangunan Muzium Perak sewaktu melawat bangunan tersebut’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 116 |
| 4.57 | Analisis penyataan ‘Saya merasa teruja dan takjub ketika melihat bangunan Muzium Perak sewaktu melawat bangunan tersebut’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 117 |
| 4.58 | Analisis penyataan ‘Saya merasa teruja dan takjub ketika melihat bangunan Muzium Perak sewaktu melawat bangunan tersebut’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | 117 |
| 4.59 | Analisis penyataan ‘Saya merasa teruja dan takjub ketika melihat bangunan Muzium Perak sewaktu melawat bangunan tersebut’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. | 118 |
| 4.60 | Analisis penyataan ‘Ketika melawat bangunan Muzium Perak saya pernah merasakan perasaan hiba dan kecewa kerana mengetahui ia adalah tinggalan bekas penjajah’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 121 |
| 4.61 | Analisis penyataan ‘Ketika melawat bangunan Muzium Perak saya pernah merasakan perasaan hiba dan kecewa kerana mengetahui ia adalah tinggalan bekas penjajah’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 121 |
| 4.62 | Analisis penyataan ‘Ketika melawat bangunan Muzium Perak saya pernah merasakan perasaan hiba dan kecewa kerana mengetahui ia adalah tinggalan bekas penjajah’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | 122 |
| 4.63 | Analisis penyataan ‘Ketika melawat bangunan Muzium Perak saya pernah merasakan perasaan hiba dan kecewa kerana mengetahui ia adalah tinggalan bekas penjajah’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. | 122 |
| 4.64 | Analisis penyataan ‘Saya kerap melihat bangunan Muzium Perak disiarkan di dalam media massa seperti siaran televisyen, surat khabar, majalah dan lain-lain’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 126 |
| 4.65 | Analisis penyataan ‘Saya kerap melihat bangunan Muzium Perak disiarkan di dalam media massa seperti siaran televisyen, | 126 |

surat khabar, majalah dan lain-lain’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden.

- 4.66 Analisis penyataan ‘Saya kerap melihat bangunan Muzium Perak disiarkan di dalam media massa seperti siaran televisyen, surat khabar, majalah dan lain-lain’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. 127
- 4.67 Analisis penyataan ‘Saya kerap melihat bangunan Muzium Perak disiarkan di dalam media massa seperti siaran televisyen, surat khabar, majalah dan lain-lain’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. 127
- 4.68 Analisis penyataan ‘Saya kerap melihat bangunan Muzium Perak disiarkan di dalam media sosial terkini seperti youtube, tiktok, facebook, instagram dan sebagainya’ berdasarkan taburan demografi umur responden. 130
- 4.69 Analisis penyataan ‘Saya kerap melihat bangunan Muzium Perak disiarkan di dalam media sosial terkini seperti youtube, tiktok, facebook, instagram dan sebagainya’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. 131
- 4.70 Analisis penyataan ‘Saya kerap melihat bangunan Muzium Perak disiarkan di dalam media sosial terkini seperti youtube, tiktok, facebook, instagram dan sebagainya’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. 131
- 4.71 Analisis penyataan ‘Saya kerap melihat bangunan Muzium Perak disiarkan di dalam media sosial terkini seperti youtube, tiktok, facebook, instagram dan sebagainya’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. 132
- 4.72 Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak telah menjadi lambang identiti dan budaya di Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi umur responden. 135
- 4.73 Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak telah menjadi lambang identiti dan budaya di Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. 136
- 4.74 Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak telah menjadi lambang identiti dan budaya di Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. 136
- 4.75 Analisis penyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak telah menjadi lambang identiti dan budaya di Bandar Taiping’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. 137

| | | |
|------|---|-----|
| 4.76 | Analisis pernyataan ‘Ketika melawat bangunan Muzium Perak dan melihat keadaannya saya, berasa berpuas hati dengan keadaan serta pengurusan bangunan tersebut’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 140 |
| 4.77 | Analisis pernyataan ‘Ketika melawat bangunan Muzium Perak dan melihat keadaannya saya, berasa berpuas hati dengan keadaan serta pengurusan bangunan tersebut’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 141 |
| 4.78 | Analisis pernyataan ‘Ketika melawat bangunan Muzium Perak dan melihat keadaannya saya, berasa berpuas hati dengan keadaan serta pengurusan bangunan tersebut’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | 141 |
| 4.79 | Analisis pernyataan ‘Ketika melawat bangunan Muzium Perak dan melihat keadaannya saya, berasa berpuas hati dengan keadaan serta pengurusan bangunan tersebut’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. | 142 |
| 4.80 | Analisis pernyataan ‘Saya merasakan senibina binaan bangunan Muzium Perak lebih menarik dan unik berbanding senibina bangunan moden pada masa kini’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 145 |
| 4.81 | Analisis pernyataan ‘Saya merasakan senibina binaan bangunan Muzium Perak lebih menarik dan unik berbanding senibina bangunan moden pada masa kini’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 146 |
| 4.82 | Analisis pernyataan ‘Saya merasakan senibina binaan bangunan Muzium Perak lebih menarik dan unik berbanding senibina bangunan moden pada masa kini’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. | 146 |
| 4.83 | Analisis pernyataan ‘Saya merasakan senibina binaan bangunan Muzium Perak lebih menarik dan unik berbanding senibina bangunan moden pada masa kini’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. | 147 |
| 4.84 | Analisis pernyataan ‘Saya melihat dengan adanya bangunan Muzium Perak, ianya sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat setempat’ berdasarkan taburan demografi umur responden. | 150 |
| 4.85 | Analisis pernyataan ‘Saya melihat dengan adanya bangunan Muzium Perak, ianya sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat setempat’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden. | 151 |

- 4.86 Analisis penyataan ‘Saya melihat dengan adanya bangunan Muzium Perak, ianya sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat setempat’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden. 151
- 4.87 Analisis penyataan ‘Saya melihat dengan adanya bangunan Muzium Perak, ianya sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat setempat’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden. 152

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

SENARAI RAJAH

| NO. | | MUKA SURAT |
|-----|---|------------|
| 2.1 | Bandar Taiping, Perak | 20 |
| 2.3 | Peta Lokasi Muzium Perak | 22 |
| 3.1 | Kerangka Reka Bentuk Kajian | 35 |
| 3.2 | Peta Lokasi Bandar Taiping | 37 |
| 4.1 | Graf analisis pernyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak hanya sebagai bangunan bersejarah yang ditinggalkan oleh bekas penjajah’. | 56 |
| 4.2 | Graf analisis pernyataan ‘Saya beranggapan kewujudan bangunan Muzium Perak, memainkan peranan yang penting terhadap kepentingan sejarah bandar Taiping, Negeri Perak dan Negara’. | 61 |
| 4.3 | Graf analisis pernyataan ‘Sewaktu melawat bangunan Muzium Perak saya melihat bangunan berkenaan sebagai sebuah binaan yang hebat dan megah serta boleh dibanggakan’. | 66 |
| 4.4 | Graf analisis pernyataan ‘Sewaktu melawat bangunan Muzium Perak saya melihat bangunan berkenaan sebagai sebuah binaan yang hebat dan megah serta boleh dibanggakan’. | 71 |
| 4.5 | Graf analisis pernyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai penyumbang kepada sektor ekonomi dan perkembangan Bandar Taiping’. | 76 |
| 4.6 | Graf analisis pernyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai sebahagian daripada identiti dan budaya di Bandar Taiping’. | 81 |
| 4.7 | Graf analisis pernyataan ‘Saya beranggapan bangunan Muzium Perak sebagai sebuah bangunan yang sudah berusia dan perlu diselenggara serta dipelihara dengan baik’. | 86 |
| 4.8 | Graf analisis pernyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai sebuah bangunan lama dan berusia serta memerlukan pemuliharaan yang teliti’. | 91 |
| 4.9 | Graf analisis pernyataan ‘Saya beranggapan bangunan Muzium Perak banyak memainkan peranan sebagai institusi pendidikan’. | 96 |

| | | |
|------|---|-----|
| 4.10 | Graf analisis pernyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai ikon yang memainkan peranan yang penting dalam sektor pelancongan di Bandar Taiping’. | 101 |
| 4.11 | Graf analisis pernyataan ‘Saya mempunyai banyak pengetahuan berkaitan sejarah di negara ini termasuk mengenai bangunan Muzium Perak’. | 106 |
| 4.12 | Graf analisis pernyataan ‘Saya mendapat akses maklumat dan data melalui internet, perpustakaan dan institusi pendidikan dengan baik mengenai bangunan Muzium Perak’. | 111 |
| 4.13 | Graf analisis pernyataan ‘Saya merasa teruja dan takjub ketika melihat bangunan Muzium Perak sewaktu melawat bangunan tersebut’. | 116 |
| 4.14 | Graf analisis pernyataan ‘Ketika melawat bangunan Muzium Perak saya pernah merasakan perasaan hiba dan kecewa kerana mengetahui ia adalah tinggalan bekas penjajah’. | 121 |
| 4.15 | Graf analisis pernyataan ‘Saya kerap melihat bangunan Muzium Perak disiarkan di dalam media massa seperti siaran televisyen, surat khabar, majalah dan lain-lain’. | 125 |
| 4.16 | Graf analisis pernyataan ‘Saya kerap melihat bangunan Muzium Perak disiarkan di dalam media sosial terkini seperti youtube, tiktok, facebook, instagram dan sebagainya’. | 130 |
| 4.17 | Graf analisis pernyataan ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak telah menjadi lambang identiti dan budaya di Bandar Taiping’. | 135 |
| 4.18 | Graf analisis pernyataan ‘Ketika melawat bangunan Muzium Perak dan melihat keadaannya saya, berasa berpuas hati dengan keadaan serta pengurusan bangunan tersebut’. | 140 |
| 4.19 | Graf analisis pernyataan ‘Saya merasakan senibina binaan bangunan Muzium Perak lebih menarik dan unik berbanding senibina bangunan moden pada masa kini’. | 145 |
| 4.20 | Graf analisis pernyataan ‘Saya melihat dengan adanya bangunan Muzium Perak, iaanya sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat setempat’. | 150 |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pada bahagian bab 1 ini akan menerangkan mengenai isu dan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan definisi terminologi. Setiap perkara yang dikemukakan dalam bab 1 ini akan diterangkan dengan lebih lanjut oleh penyelidik bagi memberikan kefahaman yang lebih mendalam mengenai kajian yang akan dijalankan iaitu kajian persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial di Bandar Taiping, Muzium Perak sebagai kajian kes. Setiap maklumat dan data yang dikemukakan dalam bab ini merupakan asas dan sandaran penting bagi kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Di era globalisasi dan pemodenan masa kini, perhatian terhadap bangunan kolonial yang mempunyai nilai sejarah yang penting sering diabaikan oleh masyarakat. Kemajuan dalam teknologi dan perubahan gaya hidup telah mengalihkan tumpuan masyarakat daripada warisan budaya dan sejarah kepada

perkara yang lebih moden dan kontemporari. Namun begitu, memahami dan menghargai warisan sejarah adalah penting untuk mengekalkan identiti dan budaya sesebuah masyarakat. Bandar Taiping, sebuah bandar bersejarah yang terletak di Negeri Perak Malaysia, mempunyai warisan sejarah dan budaya yang kaya. Bandar ini merupakan destinasi popular untuk pelancong yang berminat dalam sejarah, budaya dan seni bina. Salah satu bangunan kolonial tinggalan sejarah yang terkenal di Bandar Taiping ialah Muzium Perak.

Muzium Perak merupakan bangunan ikonik yang berfungsi sebagai institusi pendidikan dan mempamerkan artifak sejarah yang berkaitan dengan sejarah, budaya dan warisan Negeri Perak. Bangunan tinggalan kolonial ini mempunyai nilai sejarah yang penting dan menjadi saksi dan bukti penting terhadap sejarah Negeri Perak. Namun begitu, perhatian dan minat masyarakat terhadap bangunan ini masih menjadi tanda tanya. Selain itu didapati masih tiada kajian yang menyelidiki secara khusus mengenai persepsi masyarakat terhadap bangunan tinggalan kolonial, Muzium Perak di Bandar Taiping. Dalam konteks ini, adalah penting untuk memahami bagaimana masyarakat melihat dan menghargai tinggalan warisan ini. Dengan memahami persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial ini, strategi yang lebih berkesan boleh dibangunkan untuk menarik minat mereka dan memastikan warisan budaya dan sejarah tidak dilupakan.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menyelidiki persepsi masyarakat terhadap bangunan Muzium Perak di Bandar Taiping dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Dengan mengkaji persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial ini, penyelidikan ini akan memberikan maklumat berharga kepada mereka

yang terlibat dalam pengurusan dan promosi warisan budaya dan sejarah. Hasil kajian ini juga boleh digunakan sebagai asas untuk membangunkan strategi yang lebih baik untuk menarik minat masyarakat terhadap warisan sejarah, serta mengukuhkan pemahaman mereka tentang nilai budaya dan sejarah yang penting untuk identiti sesebuah masyarakat. Justeru itu, kajian ini diharap dapat memberi sumbangan yang besar dalam memahami persepsi masyarakat terhadap bangunan Muzium Perak di Bandar Taiping dan membangunkan usaha yang lebih mampan untuk memelihara dan mempromosikan warisan budaya dan sejarah pada masa hadapan.

1.3 Permasalahan Kajian

Melalui kajian persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial di Bandar Taiping, Muzium Perak sebagai kajian kes, kajian ini berfokuskan kepada tiga permasalahan utama iaitu:

1.3.1 Bangunan Yang Memiliki Nilai Sejarah Masih Kurang Diberi Perhatian Dalam Kalangan Masyarakat.

Malaysia yang merangkumi semenanjung Tanah Melayu dan Borneo di selatannya merupakan tanah yang telah dihuni lebih dari ribuan tahun yang telah merentasi pelbagai zaman. Oleh itu tidak dapat dinafikan didalam negara ini terdapat banyak tinggalan bangunan lama yang memiliki

nilai sejarah bahkan berdiri hingga ratusan tahun walau bagaimanapun setiap bangunan tinggalan warisan ini tidak mengalami nasib yang sama, ada yang terjaga dengan baik dan begitu juga sebaliknya kerana kurang diberi perhatian oleh masyarakat, menurut Fatimah Zuraidi (2011). Di Malaysia terdapat lebih kurang 35000 buah bangunan warisan. Namun begitu, sebahagian besar daripada bangunan warisan ini tidak dipulihara dengan baik dan kebanyakannya daripadanya berada dalam keadaan yang buruk disebabkan oleh faktor kerosakan bangunan.

Impak daripada sikap masyarakat yang kurang memberi perhatian terhadap bangunan warisan ini menyebabkannya semakin diancam dengan kemusnahan, menurut Fatimah Zuraidi (2011). Ada di antara bangunan warisan di dalam negara ini sedang diancam kemusnahan kerana diabaikan oleh pemilik asal dan dirobohkan atas desakan pembangunan serta kurangnya keprihatinan masyarakat dalam usaha untuk memulihara bangunan warisan. Oleh itu, kesan daripada perkara ini, dilihat telah berlakunya penurunan jumlah bangunan warisan di negara ini, menurut Lilawati Abdul Wahab. (2008). Bangunan bersejarah yang terdapat di seluruh negara semakin diabaikan, implikasinya jumlah bangunan bersejarah di negara ini dilihat semakin berkurangan dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman yang ditelan arus pembangunan. Oleh hal yang demikian menerusi permasalahan yang sedang berlaku ini dilihat perlunya penglibatan masyarakat untuk memastikan ianya dapat dikekalkan serta dipelihara dengan baik.

1.3.2 Pengaruh Media, Teknologi Dan Kemajuan Pembangunan Telah Mengubah Perhatian Dan Minat Masyarakat.

Kemajuan dalam media, teknologi dan pembangunan telah banyak mengalihkan tumpuan masyarakat kepada perkara yang lebih moden dan kontemporari. Menurut laporan akhbar Berita Harian bertarikh 9 ogos 2015, ditulis oleh Latifa. Mohd Azmi Mohd Yusof (Pengarah Muzium Negara) menyatakan dampak perkembangan teknologi dan jaringan sosial memberi impak tidak langsung kepada minat masyarakat terutamanya generasi muda mendekati khazanah negara. Selain itu, kemunculan banyak pusat-pusat hiburan terutamanya di bandar-bandar besar lebih berjaya menarik perhatian mereka, fokus masyarakat pada acara dan tempat hiburan, lebih menarik bagi mereka berbanding menghabiskan waktu di tempat-tempat yang bersifat ilmiah.

Menurut Natasha Edreena & Zuliskandar Ramli (2020) Media massa dan media sosial telah meresap dalam masyarakat, membentuk corak budaya baharu dan mempengaruhi corak pemikiran dan tingkah laku masyarakat. Masyarakat pada masa kini dilihat sangat bergantung pada platform ini untuk mengakses berita, menyatakan pendapat mereka dan terlibat dalam perbincangan mengenai pelbagai isu. Kesan media massa dan media sosial terhadap masyarakat tidak dapat dinafikan, kerana ia telah menjadi sebahagian daripada kehidupan kita, membentuk budaya kita dan mempengaruhi perspektif kita. Oleh hal yang demikian secara tidak

langsung ianya memberikan dampak kesan yang negatif terhadap perhatian kepada bangunan warisan yang terdapat didalam negara ini.

1.3.3 Kurang Pengetahuan Masyarakat Masa Kini Terhadap Sejarah.

Pengetahuan sejarah merupakan pengetahuan yang perlu diambil tahu oleh segenap masyarakat, kerana melalui pengetahuan ini masyarakat dapat mengambil pengajaran dan iktibar dengan apa yang telah berlaku pada masa silam untuk kebaikan dimasa yang akan datang. Walaubagaimanapun apa yang membimbangkan dilihat pengetahuan masyarakat pada masa kini terhadap sejarah masih lai belum memadai menurut laporan akhbar Berita Harian bertarikh 3 Oktober 2018, ditulis oleh Norhafzan Jaafar. Profesor Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim menyatakan bahawa kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengetahuan sejarah dilihat wujud hanya bermusim dan kebiasaannya akan meningkat apabila datang hari-hari tertentu sebagai contoh, hari kebangsaan dan hari Malaysia. Kesannya generasi masyarakat yang baru terus mempunyai pengetahuan yang rendah terhadap sejarah tanah airnya sendiri disamping kurangnya minat terhadap penghayatan sejarah.

Walaubagaimanapun perkara ini lebih memburukkan keadaan apabila sektor pendidikan sendiri dilihat kurang memberikan penekanan terhadap perkara ini. menurut laporan akhbar Berita Harian bertarikh 3 Oktober 2018, ditulis oleh Norhafzan Jaafar. Profesor Emeritus Tan Sri Dr

Khoo Kay Kim menyatakan, mereka yang bekerja di sektor pendidikan juga dilihat sepatutnya memainkan peranan yang lebih baik, akan tetapi pada masa kini golongan pendidik dilihat kurang pandai untuk menarik minat dan mengajar pelajar berkaitan dengan subjek sejarah.. Selain itu sistem pendidikan yang mengutamakan peperiksaan juga lebih memburukka lagi keadaan dimana murid pada masa kini perlu menghafal kerana diminta bagi menjawab soalan peperiksaan, sedangkan dahulu pelajar bebas menjawab soalan mengikut pandangan serta pemerhatian mereka. Oleh hal yang demikian kesan daripada perkara ini dilihat menjadikan masyarakat di negara tahap pengetahuan mengenai sejarah masih lagi di tahap yang rendah dan pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah yang sepatutnya bagi mengekang permasalahan ini.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan isu-isu dan masalah yang dibincangkan persoalan kajian yang akan difokuskan di alam kajian persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial di Bandar Taiping, Muzium Perak sebagai kajian kes adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah persepsi masyarakat di Bandar Taiping terhadap bangunan Muzium Perak ?.

2. Apakah faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap bangunan Muzium Perak ?.

1.5 Objektif Kajian

Melalui kajian persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial di Bandar Taiping, Muzium Perak sebagai kajian kes. Terdapat dua objektif bagi kajian penyelidikan ini:

1. Mengenalpasti persepsi masyarakat di Bandar Taiping terhadap bangunan Muzium Perak.
2. Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap bangunan Muzium Perak.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian berperanan sebagai rujukan untuk menuntun pengkaji supaya tidak terkeluar daripada kajian, melalui kajian persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial di Bandar Taiping, Muzium Perak sebagai kes kajian yang dijalankan terdapat dua skop kajian yang dijadikan sebagai sandaran utama kajian iaitu:

1.6.1 Lokasi Kajian

Skop kajian hanya tertumpu di lokasi kajian iaitu di sekitar Bandar Taiping, Perak sahaja, Bandar Taiping sebuah bandar yang terletak di dalam kawasan Daerah Larut Matang dan Selama di Negeri Perak yang berkeluasan 186.5 km dan berkoordinat $4^{\circ}50'36"N$ $100^{\circ}45'8"E$ serta berjumlah populasi sebanyak 241,517 orang (Banci Malaysia, 2020). Bandar ini merupakan bandar yang penuh dengan nilai warisan sejarah. Yang melalui perkembangan, terdapat sebilangan besar binaan bangunan yang dibangunkan pada era kolonial Inggeris di Negeri Perak termasukkan Bangunan Muzium Perak, kerana bandar ini pernah menjadi pusat pentadbiran dan menjadikan ianya berkembang dengan pesat. Melalui binaan tinggalan sejarah ini, iaitu Muzium Perak yang menjadi bangunan warisan, pengkaji telah memilih untuk menjadikan ianya subjek utama kajian dalam menjalankan kajian ini.

1.6.1 Jenis Responden

Kajian ini memberikan fokus kepada responden dari kalangan masyarakat yang tinggal disekitar kawasan Bandar Taiping yang merangkumi pelbagai latar belakang dan umur menurut data yang dikeluarkan Banci Malaysia (2020) populasi masyarakat di Bandar Taiping adalah sebanyak 241,517 orang, melalui bilangan yang dinyatakan ini kajian ini sebilangan kecil masyarakat akan dijadikan responden bagi kajian ini. Seterusnya sejajar dengan objektif kajian ini, fokus kajian pula

bertumpukan mengenai persepsi masyarakat di Bandar Taiping terhadap bangunan kolonial, Muzium Perak serta faktor yang mempengaruhinya. Melalui skop kajian ini ianya akan menuntun kajian ini dengan menggunakan kaedah-kaedah yang bersesuaian untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan bagi kajian yang dijalankan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial di Bandar Taiping, Muzium Perak sebagai kajian kes memiliki kepentingan yang signifikan kepada pelbagai pihak termasuk pengakaji, masyarakat dan institusi.

1.7.1 Pengkaji

Kajian persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial di Bandar Taiping, Muzium Perak sebagai kajian kes dapat memberikan kepentingan kepada pengkaji melalui sumbangannya terhadap penambahan ilmu pengetahuan yang baru. Kajian ini memberi peluang kepada pengkaji untuk mendalami dan meluaskan pemahaman berkaitan dengan persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial khususnya Muzium Perak. Melalui analisis data yang dikumpul, pengkaji boleh mengetahui pandangan, kepercayaan dan sikap masyarakat terhadap Muzium Perak dan

mendapatkan gambaran tentang faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi mereka.

Selain itu, melalui kajian ini juga, pengkaji dapat meningkatkan kemahiran penyelidikan kualitatif dan menggunakan metodologi yang sesuai untuk mengumpul dan menganalisis data. Pengkaji dapat belajar tentang proses penyelidikan, membangunkan soalan kajian yang relevan, reka bentuk penyelidikan, teknik pengumpulan data, seperti soal selidik yang mendalam, dan teknik analisis data yang sesuai. Kerja-kerja Ini akan menambahkan pengetahuan baru terhadap pengkaji. Justeru itu ,kajian persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial di Bandar Taiping, Muzium Perak sebagai kes kajian mempunyai kepentingan yang signifikan bagi pengkaji. kerana dapat meningkatkan pemahaman dan kemahiran pengkaji.

1.7.2 Masyarakat

Kajian persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial di Bandar Taiping, Muzium Perak sebagai kajian kes juga mempunyai kepentingan yang besar kepada masyarakat. Antara kepentingan kajian ini kepada masyarakat adalah keterjaminan pemeliharaan warisan. Kajian ini dapat membantu masyarakat untuk dijadikan sebagai bahan rujukan sekiranya mahu mengadakan sebarang program yang melibatkan kepentingan warisan di Bandar Taiping. Dengan mengetahui persepsi masyarakat terhadap

Muzium Perak melalui kajian ini, institusi dan organisasi masyarakat di Bandar Taiping boleh menyesuaikan pendekatan mereka dalam memperkenalkan sejarah dan budaya kepada masyarakat merangkumi pelbagai peringkat umur dengan mengadakan pelbagai program yang sesuaian. Sekiranya program yang dianjurkan berjaya menarik minat masyarakat secara aktif untuk terlibat, sedikit sebanyak ia dapat mempengaruhi keterjaminan pemeliharaan warisan sejarah dan budaya di Bandar Taiping.

Disamping itu, kajian ini juga membantu untuk memperkuuh identiti tempatan. Warisan sejarah dan budaya memainkan peranan penting dalam membentuk identiti sesebuah masyarakat. Oleh itu kajian ini dilihat dapat membantu mengukuhkan pemahaman masyarakat berkaitan nilai yang terkandung dalam sesebuah bangunan kolonial termasuk Muzium Perak. Dengan memahami nilai yang terkandung ini, masyarakat akan lebih menghargai dan mengekalkan warisan sejarah mereka sebagai sebahagian daripada identiti mereka. Justeru itu, kajian ini dilihat mampu memberikan manfaat kepada komuniti masyarakat di Bandar Taiping dengan membantu mereka memahami nilai budaya dan sejarah.

1.8 Definisi Terminologi

Definisi terminologi merujuk kepada penggunaan istilah atau istilah khusus

untuk sesuatu bidang atau disiplin. Ia melibatkan mengenal pasti, mentakrif dan

menggunakan istilah khusus yang berkaitan dengan bidang atau topik tertentu.

Dalam konteks komunikasi dan penulisan, definisi terminologi membantu memastikan bahawa istilah yang digunakan mempunyai makna yang jelas dan konsisten, mencegah kesilapan atau salah tafsir. Pada bahagian penyelidik mengemukakan definisi terminologi seperti definisi persepsi, definisi masyarakat, definisi kolonial dan definisi muzium.

1.8.1 Definisi Persepsi

Menurut Grafiyana (2015) persepsi adalah proses bagi mengenali atau mengetahui suatu perkara atau objek dengan memanfaatkan seluruh pancaindera yang tersedia ada dimiliki pada seseorang manusia, selain itu berlakunya juga rangsangan daripada luar terhadap seseorang itu juga dengan tahap kesedaran yang tinggi dan muncul untuk cuba memahami seterusnya menginterpretasinya kepada makna yang dapat difahami. Selain itu, menurut Uma (2015), persepsi merupakan suatu yang dikaitkan dengan proses yang melibatkan penderiaan, iaitu melibatkan rangsangan melalui deria yang diterima oleh seseorang individu, ini terjadi kerana deria adalah penghubung antara kehidupan seharian dengan seseorang individu. Persepsi juga dapat dikatakan sebagai tanggapan yang seseorang individu itu terima, seterusnya disusun kemudiannya ditafsir sehingga dapat menyedari serta lebih memahami suatu yang dirasaiya. Persepsi juga sering dikaitkan dengan pandangan, anggapan atau gambaran, kerana ianya merupakan suatu tanggapan seseorang individu terhadap suatu perkara atau objek.

1.8.2 Definisi Masyarakat

Menurut Ayu (2017) mendefinisikan masyarakat sebagai kelompok yang terwujud daripada gabungan keluarga-keluarga, masyarakat diwujudkan melalui hubungan antara individu ke individu yang lain dan membentuk kelompok, melalui pembentukan kelompok ini seterusnya ianya menjadi semakin membesar sehingga membentuk sebuah kelompok yang besar dan membentuk sebuah masyarakat. Menurut Soekanto (1983) sesebuah masyarakat terbentuk hasil daripada kesengajaan kelompok manusia secara rasional untuk memenuhi keperluan masing-masing, kelompok manusia yang terdiri daripada individu-individu saling bergantung di antara satu sama lain, walaubagaimanapun tidak dapat dinafikan juga bahawa naluri manusia yang berkeinginan dan berkehendak untuk hidup bersama dengan manusia yang lain dan seterusnya mewujudkan suatu kelompok. Menurut Soetomo (2009) dalam sebuah penyatuan yang membentuk sesebuah masyarakat ia akan sering mengalami proses perubahan kerana ianya merupakan salah satu daripada proses pembentukan sesebuah masyarakat. Hal ini terjadi kerana dalam lingkungan masyarakat juga akan berlakunya proses pengaruh mempengaruhi di antara satu sama lain, sama ada ianya disedari atau tidak disedari dan seterusnya membawa kepada perubahan didalam sesebuah masyarakat.

1.8.3 Definisi Kolonial

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, kolonial merujuk kepada sesuatu yang bersifat penjajahan. Selain itu kolonial juga sering dikaitkan dengan kata kolonialisme. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat Kolonialisme dapat didefinisikan sebagai dasar atau amalan yang dijalankan oleh sesebuah negara untuk meluaskan kekuasaannya ke atas sesebuah negara lain. Menurut Abdul Rahman Abdullah (1987) kolonial boleh ditakrifkan sebagai tindakan penguasaan yang dilakukan oleh penjajah terhadap sistem politik yang ada di dalam sesebuah negara yang didatanginya, selain itu kolonialisme juga boleh dirujuk sebagai “satu konsep mengenai penguasaan politik secara keseluruhan oleh kaum penjajah terhadap tanah jajahannya.”

1.8.4 Definisi Muzium

Menurut Goode (1895) muzium adalah institusi yang memelihara artifak untuk meningkatkan pengetahuan dan budaya, serta memberikan pencerahan kepada masyarakat. Menurut International Council of Museums (ICOM) pula menyatakan bahwa muzium bukanlah tempat untuk mencari keuntungan. Muzium merupakan tempat yang dikunjungi oleh orang ramai untuk memperoleh, memelihara, memulihiara, menyelidiki, dan berkomunikasi. Muzium juga disebut sebagai tempat yang cocok sebagai rujukan untuk melakukan penelitian dan kajian. Menurut Museum

Association (1984), muzium merupakan sebuah entiti yang dianggap sebagai institusi yang mengumpulkan, mendokumentasikan, mengawetkan, memamerkan, dan menafsirkan bahan-bahan sejarah. Informasi dan rekod yang ada di dalam muzium disimpan sebagai sumber rujukan untuk kepentingan di masa depan. Muzium juga dianggap sebagai institusi yang kekal dan melayani masyarakat dan negara tanpa mencari keuntungan.

1.9 Penutup

Melalui kajian ini dapat disimpulkan bahawa Muzium Perak merupakan sebuah binaan kolonial bersejarah yang penting yang berkait rapat dengan perkembangan Bandar Taiping dan sejarah Negeri Perak. Selain itu, Bandar Taiping, juga merupakan bandar yang penuh dengan nilai warisan sejarah. Oleh itu kajian ini penting untuk memastikan ianya terus dipelihara dan dihargai. Selain itu, kajian ini juga penting untuk mendedahkan kepada masyarakat khususnya komuniti masyarakat di Bandar Taiping, mengenai kewujudan Bangunan Muzium Perak yang terdapat di bandar tersebut. Perkongsian mengenai maklumat dan data kajian terhadap Muzium Perak sedikit sebanyak diharapkan mampu memberikan impak kepada masyarakat serta dapat meningkatkan lagi kesedaran masyarakat tempatan mengenai kepentingnya dalam komuniti setempat dan samping dapat melahirkan rasa tanggungjawab untuk memeliharanya dan menghargainya.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah merujuk beberapa kajian terdahulu untuk dijadikan sebagai rujukan kajian serta dijadikan sebagai pelengkap bagi menjalankan kajian ini. Kajian terdahulu adalah penting bagi membantu pengkaji untuk memperoleh maklumat yang diperlukan disamping dapat membantu menambah baik kekurangan yang sedia ada di dalam kajian ini serta dapat menambah pengetahuan baru kepada pengkaji. Oleh itu pengkaji telah memberikan fokus kepada beberapa kajian terdahulu yang sesuai dijadikan rujukan untuk menjalankan kajian ini.

2.2 Sejarah Perkembangan Bandar Taiping

Bandar Taiping merupakan salah satu bandar di Negeri Perak yang memiliki sejarah yang panjang dan kaya. Bandar ini dahulunya merupakan ibu negeri Negeri Perak sebelum tahun 1937. Meskipun bukan lagi ibu negeri saat ini, Bandar Taiping masih terkenal dengan warisan sejarah dan bangunan-bangunan

bersejarah yang ada di dalamnya. Menurut Ahmad Nafis (2012), Bandar Taiping awalnya dikenal sebagai "Kelian Pauh," sebuah pekan kecil yang terkenal dengan pertambangan bijih timah. Kemudian, bandar ini diberi nama "Tai-Peng" yang berasal dari bahasa Cina yang berarti "aman dan damai" atau "keamanan yang selamanya". Peristiwa penting yang terjadi di Bandar Taiping adalah Perang Larut pada tahun 1874, yang kemudian berakhir dengan penandatanganan Perjanjian Pangkor. Peristiwa ini memberikan kekuasaan kepada pihak Inggris untuk menguasai Bandar Taiping dan menjadi titik awal penguasaan Inggris atas Tanah Melayu, khususnya Negeri Perak. Setelah peristiwa tersebut, populasi Bandar Taiping mulai meningkat dan bandar ini berkembang pesat. Banyak bangunan yang dibangun pada masa penjajahan Inggris di Negeri Perak, karena Bandar Taiping menjadi pusat administrasi.

Hingga kini, masih terlihat jejak bangunan-bangunan peninggalan tersebut yang memiliki pengaruh dari gaya senibina barat. Namun, ada juga bangunan yang menggabungkan budaya-budaya yang berbeza, menciptakan gaya senibina baru dengan identiti yang unik. Contohnya adalah deretan bangunan rumah kedai di Bandar Taiping yang menggabungkan unsur seni bina Cina, Inggeris, dan tempatan. Selain itu, masih banyak bangunan bersejarah lainnya di sekitar Bandar Taiping yang memiliki status sebagai bangunan warisan. Beberapa di antaranya masih digunakan hingga saat ini, seperti Muzium Taiping, Penjara Taiping, dan Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama. Secara keseluruhan, Bandar Taiping memiliki sejarah yang kaya dan banyak bangunan warisan yang menceritakan kisah-kisah bersejarahnya. Bandar ini menjadi saksi perkembangan

dan perubahan sepanjang masa, tetapi masih tetap mempertahankan keunikan dan daya tariknya dengan bangunan-bangunan yang masih ada hingga saat ini.

2.2.1 Bandar Taiping

Bandar Taiping, terletak didalam kawasan Daerah Larut Matang dan Selama, Negeri Perak. Bandar ini berkeluasan 186.5 km. Bandar ini juga pernah dijadikan sebagai ibu negeri bagi Negeri Perak iaitu pada tahun sebelum 1937. Kini Bandar Taiping Merupakan ibu kota bagi Daerah Larut Matang dan Selama.. Bandar ini pernah dijadikan sebagai ibu negeri bagi Negeri Perak pada tahun sebelum 1937. Bandar Taiping juga merupakan salah satu bandar terancang yang tertua di Malaysia. Bandar ini menyimpan pelbagai kisah suka dan duka sejarah yang panjang dalam sejarah Negeri Perak, walaupun Bandar Taiping bukan lagi ibu negeri bagi Negeri Perak pada hari ini, tetapi ianya masih terkenal dengan pelbagai sejarah dan seni bina bangunan warisan yang terdapat padanya. Menurut Ahmad Nafis (2012) pada asalnya, nama bagi Bandar Taiping adalah “Kelian Pauh” yang merupakan sebuah pekan kecil yang menjadi kawasan yang terkenal dengan perlombongan biji timah, kemudiannya mendapat nama “Tai-Peng” yang berasal dari perkataan Cina yang membawa maksud aman dan damai atau keamanan yang selama-lamanya, selepas peristiwa berakhirnya Perang Larut pada tahun 1874.



Rajah 2.1: Bandar Taiping, Perak

(Sumber: Harian Metro., April 15, 2017.)

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/04/221628/hujan-hujan-taiping>

2.2.2 Zaman Kolonial Di Bandar Taiping

Di era kolonial banyak binaan bangunan yang telah dibangunkan Inggeris di Negeri Perak kerana bandar ini pernah dijadikan sebagai pusat pentadbiran dan telah berkembang dengan pesat. Sehingga hari ini masih dapat dilihat bukti peninggalan bangunan tersebut yang jelas dengan seni binanya yang mempunyai pengaruh dari barat. Walaupun begitu, menurut Hafizah (1998) terdapat juga bangunan yang memiliki percampuran budaya yang seterusnya melahirkan satu seni bina baru dengan identiti yang tersendiri misalnya bangunan rumah kedai deretan yang terdapat di Bandar Taiping yang dilihat mempunyai gabungan seni bina Cina, inggeris dan tempatan. Selain itu, masih terdapat banyak lagi bangunan-bangunan lama di sekitar Bandar Taiping yang berstatus bangunan warisan yang berkepentingan sejarah. Walaubagaimanapun, walaupun bangunan ini


dikira sebagai bangunan warisan namun sebahagian besarnya masih lagi digunakan hingga ke hari ini seperti Muzium Taiping, Penjara Taiping dan Pejabat Daerah Dan Tanah Larut Matang Dan Selama.

2.2.3 Muzium Perak

Menurut Tracy (2017) Muzium Perak memiliki sejarah yang panjang dan menjadi muzium tertua di Malaysia. Bangunan muzium ini memiliki keunikan seni bina dengan pengaruh seni bangunan masyarakat '*'moor'*' di India yang digabungkan dengan gaya '*'neo-classical'*' dan '*'victorian'*' dari masyarakat Eropa. Pembangunan Muzium Perak dilakukan secara berperingkat, dengan penambahan ruang pameran dan galeri seiring bertambahnya koleksi. Muzium Perak terdiri dari dua tingkat dan memiliki empat galeri, yaitu Galeri A, Galeri B, Galeri C, dan Galeri D. Galeri A digunakan untuk pameran sementara dengan topik dan tema yang ditentukan. Galeri B menampilkan pameran tentang alam semesta, termasuk koleksi spesimen rangka, hewan, dan binatang. Galeri C menampilkan pameran budaya, sementara Galeri D memamerkan koleksi sosio-budaya masyarakat Orang Asli dan koleksi tembikar dari seluruh Malaysia.

Selain itu, menurut Faisal (2001) Muzium Perak juga memiliki pameran luar yang mencakup khazanah negara seperti patung Robert Sandilands Frowd Walker, meriam Long Jaafar, gerbong kereta api Perak,

dan kuburan batu purbakala dari Sungkai, Perak. Dengan koleksi yang mencakup sejarah, budaya, dan alam semesta, Muzium Perak memainkan peranan penting dalam penelitian dan pengumpulan bahan-bahan bersejarah dan budaya negara ini. Muzium ini menjadi tempat yang penting untuk mempelajari dan memahami warisan dan kekayaan budaya Perak dan Malaysia secara keseluruhan.



Rajah 2.2: Peta Lokasi Muzium Perak

(Sumber: Google Maps (2023) pada 6 Mei 2023 daripada

<https://www.google.com/maps/place/Perak+Museum/@4.8605909,100.741359,16.63z/data=!4m6!3m5!1s0x31caaef7305a0c17:0xcde95c8760f2f2d4!8m2!3d4.860418!4d100.7453769!16s%2Fm%2F03hh25>)

2.3 Bangunan Bersejarah dan impak terhadap Masyarakat Tempatan

Menurut Kamal & Harun (2002) mendefinisikan bangunan bersejarah sebagai bangunan yang dibina pada masa lampau, yang mempunyai seni bina dan nilai sejarah yang tinggi. Ia mempunyai seni, nilai dan kemanusiaan yang tersendiri

mesej melalui kerumitan idea bermula dari fasa pertama pembinaan iaitu merancang sehingga siap bangunan itu sendiri serta tahun-tahun ia masih kekal sehingga hari ini. Menurut Bill (2021) bangunan bersejarah adalah bangunan, termasuk komponen struktur, yang terletak di sesebuah kawasan sama ada ia disenaraikan secara individu dalam daftar warisan negara, terletak di kawasan bersejarah dan diperakui.

Selain Menurut Bill (2021) juga Bangunan bersejarah adalah bangunan yang dibangun pada masa lampau dan memiliki seni bina serta nilai sejarah yang tinggi. Bangunan ini memiliki keunikan dalam aspek seni, nilai, dan kemanusiaan yang menyampaikan mesej melalui ideanya, mulai dari fasa perancangan hingga penyelesaian bangunan itu sendiri. Selain itu, bangunan tersebut juga dapat diklasifikasikan sebagai bersejarah sekiranya terletak dalam kawasan yang diakui dan termasuk dalam daftar warisan negara, baik sebagai pemilikan individu ataupun sebagai sebahagian dari kawasan bersejarah.

Menurut Nik Saiful (2021) bangunan warisan adalah sebuah khazanah penting yang tidak ternilai. Kewujudan bangunan warisan juga sedikit sebanyak memberikan faedah kepada negara, yang merangkumi aspek sosial, pendidikan dan ekonomi. Impak daripada kewujudan bangunan warisan ini juga dilihat mampu memberikan ilmu pengetahuan sejarah sekiranya ianya merupakan bangunan warisan hasil dari tinggalan sejarah dan ianya juga dilihat dapat dijadikan sebagai bahan rujukan bagi generasi yang akan datang.

Melalui hasil penulisan kajian ini, menunjukkan bahawa bangunan warisan adalah khazanah penting yang tidak ternilai dan memberikan pelbagai faedah kepada negara dalam aspek sosial, pendidikan dan ekonomi. Kewujudan bangunan warisan ini juga dapat memberikan ilmu pengetahuan sejarah dan dapat dijadikan sebagai bahan rujukan bagi generasi akan datang. Oleh itu, pemuliharaan dan penyesuaian semula bangunan warisan dianggap penting untuk memastikan kelestarian khazanah sejarah ini.

Kesimpulannya, bangunan warisan merupakan suatu binaan yang memiliki nilai yang tidak ternilai dan memberikan manfaat kepada negara dalam aspek sosial, pendidikan, dan ekonomi. Oleh karena itu, pemuliharaan dan penyesuaian bangunan warisan perlu diperhatikan agar dapat mempertahankan khazanah budaya dan sejarah serta memberikan manfaat bagi masyarakat dan negara.

2.3.1 Binaan Bersejarah Membentuk Jati Diri Masyarakat

Menurut Menurut Daeng Haliza Daeng Jamal, Zuliskandar Ramli, dan Mastor Surat (2016), bangunan bersejarah yang mempunyai nilai warisan dan estetika tinggi perlu dikekalkan sebagai sumber yang berkesan untuk menceritakan sejarah kepada generasi akan datang. Menurut A. Ghafar (2010), kajian yang dijalankan terhadap bangunan bersejarah mampu mencetuskan semangat nasionalisme dalam diri seseorang. Dalam erti kata lain, jati diri yang kuat dapat melahirkan semangat cintakan akan negara. Selain itu, pengekalan bangunan bersejarah juga dilihat dapat

memberi kesan yang positif kepada psikologi seseorang kerana ianya dapat membangkitkan nostalgia tentang peristiwa bersejarah serta dapat melahirkan rasa cinta kepada negara dan bangsa. Mohd Khairudin (2002) Jati diri dapat dibentuk sekiranya kesedaran terhadap nilai bangunan bersejarah dapat dipupuk dalam diri masyarakat. Abdullah Hassan (2009) Jati diri bangsa juga dapat ditafsirkan sebagai perasaan cinta yang lahir secara semula jadi yang hadir terhadap kelompoknya atau tempat kelahiran sehingga menjadi identiti kepada mereka. Abdullah Hassan, (2009). kajian yang telah dijalankan, melibatkan penduduk tempatan Kuala Kangsar sebagai responden yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat, agama dan umur. Hasil kajian, menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap pemuliharaan dan penyesuaigunaan semula bangunan warisan di Perak.

Dalam penghasilan kajian ini menunjukkan bahawa bangunan bersejarah merupakan binaan yang penuh dengan nilai warisan dan tinggi nilainya. Ianya harus dikekalkan sebagai sumber penceritaan sejarah yang efektif bagi generasi akan datang. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pemuliharaan dan penyesuaian semula Bangunan warisan berpotensi memberikan kesan psikologi yang positif dan membangkitkan nostalgia dalam masyarakat berkenaan peristiwa bersejarah. Dalam hal ini, bangunan boleh memainkan peranan dalam membentuk identiti kolektif masyarakat dan mencetuskan semangat nasionalisme yang tinggi. Kajian ini melibatkan responden daripada pelbagai lapisan masyarakat, agama, dan lingkungan

umur menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berhubung pemeliharaan dan adaptasi bangunan warisan di Perak..

Berdasarkan kajian ini dapat disimpulkan bahawa pemeliharaan dan penyesuaian semula bangunan bersejarah mempunyai nilai penting yang tinggi. Selain memberikan nilai estetika yang tinggi, bangunan bersejarah juga dapat digunakan sebagai sumber penceritaan sejarah yang efektif bagi generasi akan datang. Kajian juga menunjukkan bahawa pemeliharaan bangunan bersejarah dapat mencetuskan semangat nasionalisme yang tinggi dalam diri individu, membangkitkan nostalgia dan menanamkan rasa cinta kepada negara dan bangsa. Kesedaran terhadap nilai bangunan bersejarah ini juga mampu mendorong pembentukan jati diri dalam kalangan masyarakat.

2.3.2 Binaan Bersejarah: Perspektif Terhadap Pembangunan Bandar Warisan

Menurut Er Ah Coy (2013) khazanah warisan yang dimiliki mesti dipelihara agar ianya mampu dilestarikan. Di Bandar warisan Melaka,Bangunan warisan seperti Stadhuys, A-Famosa,dan rumah kedai secara umumnya masih dipelihara dengan baik dengan mengekalkan nilai estetika pada bangunan warisan tersebut. Bandar Melaka sebagai bandar pelancongan juga telah ditingkatkan kemudahannya bagi memudahkan sektor pelancongan dan masyarakat setempat juga menerima manfaatnya.

Masyarakat setempat juga dilihat melibatkan diri dengan sangat aktif dalam aktiviti pelancongan, ramai dikalangan masyarakat setempat menjadi peniaga, pemandu pelancong dan pengusaha homestay. Selain itu, kebersihan di sekitar Bandar Melaka juga dilihat baik walaubaaimanapun ianya perlu ditambah baik lagi kerana berdasarkan hasil penelitian, sebagian kecil pelancong, masih kurang berpuas hati dengan keadaan kebersihan yang sedia ada.

Kajian ini merupakan kajian yang menumpukan kepada pembangunan pelancongan lestari di Melaka dari perspektif pelancong. Hasil penulisan tersebut menunjukkan bahawa khazanah warisan yang dimiliki di Bandar Melaka mesti dipelihara agar dapat dilestarikan. Beberapa bangunan warisan seperti Stadhuis, A-Famosa, dan rumah kedai secara umum masih dipelihara dengan baik untuk menjaga nilai estetika pada bangunan tersebut. Selain itu, Bandar Melaka telah ditingkatkan kemudahannya bagi memudahkan sektor pelancongan dan masyarakat setempat juga menerima manfaatnya. Masyarakat setempat juga terlibat secara aktif dalam aktiviti pelancongan, seperti menjadi peniaga, pemandu pelancong, dan pengusaha homestay. Namun, meskipun kebersihan di sekitar Bandar Melaka sudah baik, namun masih perlu ditingkatkan karena sebagian kecil pelancong masih merasa kurang puas dengan keadaan kebersihan yang ada.

Kesimpulannya dari hasil penulisan kajian ini, dapat dilihat bahwa keberadaan bangunan warisan atau bandar warisan dapat memberikan

berbagai persepsi kepada masyarakat setempat serta pelancong. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan hasil kajian tersebut. Oleh itu, perlu dilakukan upaya untuk memelihara dan melestarikan khazanah warisan tersebut agar dapat terus memberikan manfaat bagi sektor pelancongan dan masyarakat setempat.

2.3.3 Kajian Mengenai Manfaat Retrofit Kepada Bangunan Bersejarah

Menurut Muhammad Khairi & Rosta Harun (2014) sebahagian besar identiti masyarakat dan negara ditentukan berdasarkan warisan. Warisan merupakan suatu perkara yang dapat diwarisi secara turun temurun dari satu generasi ke satu generasi. Di Malaysia sebahagian besar warisan diperoleh dalam bentuk seni bina, bahasa, makanan, sosial dan fabrik. Warisan yang paling jelas kelihatan di negara ini adalah seni bina yang dapat dilihat hingga ke hari ini. Kamal & Harun (2002) telah mendefinisikan bangunan bersejarah sebagai bangunan yang telah lama dibina dimasa atau di zaman lampau, yang memiliki ciri seni bina serta nilai sejarah yang berharga, dan ianya dilihat memiliki nilai dan mesej yang tersendiri berdasarkan kerumitan idea yang bermula dari permulaan pembinaan sehingga siap proses pembinaannya serta mengambil masa yang bertahun-tahun dan masih kekal hingga ke hari ini. Selain itu, Malaysia juga merupakan negara yang kaya dengan warisan bangunan bersejarah yang mencerminkan usaha kerja, politik, status dan kekayaan manusia masa lalu. Ia boleh dikategorikan kepada beberapa jenis seperti seni bina

tradisional (rumah Melayu kayu tradisional), Gaya Eklektik Selat atau Art Deco) rumah kedai dengan gaya seni bina yang tidak dapat ditiru (Gaya Kekal Awal, pengaruh kolonial (stesen kereta api, bangunan kerajaan lama, rumah agam). dan gedung mahkamah) dan bangunan keagamaan (masjid, gereja dan kuil tradisional dan pengaruh Moor) (Ahmad, 1997).

Kajian ini memfokuskan kepada manfaat retrofik bangunan bersejarah dari segi aspek sosial dan ekonomi dapat. Retrofik adalah tindakan pemasangan semula yang melibatkan penambahan teknologi atau ciri baharu kepada sistem lama, walaubagaimanapun setiap pengubahsuaian boleh berlaku atas beberapa sebab sebagai contoh untuk tujuan penjimatan kos. Seterusnya, dapat disimpulkan bahawa warisan merupakan salah satu perkara yang penting bagi identiti masyarakat dan negara. Di negara ini, seni bina adalah salah satu bentuk warisan yang paling jelas dan dapat dilihat. Bangunan bersejarah di Malaysia memiliki nilai sejarah dan seni bina yang berharga, dan dapat mencerminkan kegiatan, politik, status, dan kekayaan masyarakat pada zaman dahulu. Selain itu, antara jenis bangunan bersejarah yang terdapat di Malaysia adalah seni bina tradisional, gaya eklektik Selat atau Art Deco, rumah kedai dengan gaya seni bina yang tidak dapat ditiru, pengaruh kolonial, dan bangunan keagamaan.

Kesimpulannya, bangunan bersejarah di Malaysia memainkan peranan yang penting dalam membentuk identiti masyarakat dan negara. Pelbagai jenis bangunan bersejarah yang wujud di negara ini mencerminkan kegiatan, politik, status dan kekayaan manusia masa lalu. *Retrofitting*

bangunan bersejarah dapat memberi manfaat dari segi sosial dan ekonomi, dan diharapkan usaha ini akan terus dijalankan untuk memastikan warisan bangunan bersejarah di Malaysia dapat terus diwarisi oleh generasi akan datang.

2.3.4 Guna Suai Bangunan Bersejarah Sebagai Medium Pendidikan

Menurut S. Azman Ligun, Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad dan Mohd Isa Hamzah (2017) Muzium merupakan intiti di barisan utama dalam memberikan penekanan pendidikan sejarah melalui ketulenan sejarah dan berbeza dari pendidikan lisan, buku teks serta pembelajaran didalam kelas. Selain menurut Marcus et al. (2012), itu terdapat empat asas asbab mengapa muzium menjadi salah satu medium pendidikan sejarah, sebab yang pertama pengetahuan dan kemahiran pemikiran sejarah dapat ditingkatkan kerana muzium memberikan pengalaman pendidikan yang unik. Kedua, muzium menjadi medium pendidikan sepanjang hayat. Ketiga, kebebasan interpretasi pelajar dapat dilontarkan tanpa diadili. Keempat, fungsi muzium sebagai lapangan sejarah yang terbuka berpengaruh terhadap masyarakat. Menurut S. Azman Ligun et al. (2017) Muzium menjadi medium sokongan bagi guru-guru sejarah untuk tujuan pengajaran, terdapat anjakan dalam pembelajaran sejarah yang membantu dalam pembangunan kemahiran penyelidikan sejarah sepanjang tiga dekad yang lalu. Muzium juga membantu pelajar melibatkan diri dengan artifak dengan secara langsung, Nespor (2000). seterusnya muzium juga dapat

memberikan kefahaman yang mendalam terhadap bahan sejarah serta dapat mampu membangunkan pemikiran sejarah melalui literasi serta pengalaman pembelajaran yang diperoleh melalui muzium yang tidak terdapat di dalam bilik darjah. Disamping itu, kajian yang dijalankan oleh Institut Muzium dan Perpustakaan Perkhidmatan pendapati (Griffiths & King, 2008) sumber maklumat yang diperoleh daripada muzium dan perpustakaan merupakan sumber yang terpercaya berbanding daripada sumber maklumat daripada laman web kerajaan, komersial dan peribadi.

Kajian ini memfokuskan kepada peranan muzium sebagai instrument pendidikan sejarah. Hasil penulisan tersebut menunjukkan bahawa, terdapat empat alasan mengapa muzium menjadi salah satu medium pendidikan sejarah. Pertama, muzium dapat meningkatkan pengetahuan dan kemampuan berpikir sejarah karena memberikan pengalaman pendidikan yang unik. Kedua, muzium menjadi medium pendidikan sepanjang hayat, yang dapat diakses oleh orang-orang dari segala usia. Ketiga, muzium memberikan kebebasan interpretasi bagi pelajar tanpa dihakimi. Keempat, fungsi muzium sebagai lapangan sejarah yang terbuka mempengaruhi masyarakat secara umum. Selain itu, muzium juga menjadi sumber daya yang penting bagi guru-guru sejarah dalam pengajaran. Muzium telah membantu dalam pengembangan keterampilan penyelidikan sejarah. Disamping itu juga, muzium dapat memberikan pemahaman mendalam tentang bahan sejarah dan dapat mengembangkan pemikiran sejarah melalui literasi dan pengalaman pembelajaran yang diperoleh melalui muzium yang tidak dapat diperoleh di dalam kelas.

Kesimpulannya secara keseluruhan, muzium memainkan peranan penting sebagai instrumen pembelajaran sejarah di luar bilik darjah. Muzium memberikan pengalaman pendidikan yang unik, mendorong pembelajaran sepanjang hayat, memberikan kebebasan interpretasi, mempengaruhi masyarakat, dan membantu dalam pengajaran sejarah serta pengembangan keterampilan penyelidikan sejarah. Sumber informasi dari muzium dan perpustakaan juga dianggap lebih dapat dipercaya dibandingkan dengan sumber-sumber lainnya.

2.4 Penutup

Bab ini membahas tentang kajian-kajian terdahulu yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain dalam konteks kajian ini. Pengkaji juga menggunakan artikel-artikel yang relevan dengan topik kajian untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang kajian yang telah dilakukan sebelumnya. Pemilihan artikel-artikel tersebut didasarkan pada kaitannya dengan topik kajian pengkaji. Pengkaji mengumpulkan kajian terdahulu yang relevan dengan tujuan untuk meninjau kerangka pemikiran yang telah ada dan membantu pengkaji untuk lebih memahami. kesimpulannya tinjauan literatur yang dilakukan oleh pengkaji melibatkan pembacaan dan analisis kritis terhadap penelitian-penelitian terdahulu yang relevan dengan topik penelitian.

BAB 3


METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi berasal daripada perkataan Yunani (Latin) yang memberi maksud kaedah dalam penyelidikan ilmiah. Metodologi merupakan cara, kaedah atau sistem yang digunakan oleh penyelidik untuk menjalankan, dan menganalisis sesuatu kajian. Ia melibatkan mengumpul data dan maklumat, serta menganalisis data. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, definisi bagi metodologi adalah ilmu dan peraturan yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan dengan tujuan untuk mencapai objektif tertentu. Selain itu, metodologi juga merupakan kaedah yang digunakan bagi menjalankan penyelidikan dengan kaedah yang berkesan untuk menjawab permasalahan kajian. Terdapat dua pendekatan utama untuk metodologi kajian iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Bagi kajian persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial di Bandar Taiping, Muzium Perak sebagai kajian kes. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif sebagai kaedah kajian. Kaedah ini dipilih kerana memiliki kesesuaian dengan objektif kajian ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian memainkan peranan penting dalam kajian kerana ia akan menjadi rujukan struktur kajian dan menentukan data yang diperlukan untuk menangani persoalan kajian. Dalam kajian ini, terdapat empat peringkat. Peringkat pertama melibatkan kerja-kerja penyelidikan awal untuk mengenal pasti masalah dan objektif yang berkaitan dengan tajuk kajian. Peringkat ini membantu dalam merangka persoalan kajian dan menetapkan objektif yang jelas. Peringkat kedua kajian, melibatkan kajian terhadap kajian lepas untuk mengumpul maklumat yang boleh menyumbang kepada idea objektif kajian, peringkat ini dapat membantu menambah pengetahuan sedia ada pengkaji dan membantu untuk memperbaiki kekurangan di dalam kajian. Peringkat ketiga kajian memberikan tumpuan kepada kaedah penyelidikan yang akan digunakan dalam kajian. Kaedah kualitatif dan kuantitatif disebut sebagai contoh. Kaedah ini akan dipilih berdasarkan persoalan kajian dan sifat data yang dikumpul. Kaedah kualitatif melibatkan pengumpulan data bukan berangka seperti temu bual atau pemerhatian, manakala kaedah kuantitatif melibatkan pengumpulan data berangka melalui tinjauan, eksperimen atau analisis statistik. Peringkat akhir melibatkan menganalisis data yang dikumpul untuk mencapai objektif kajian. Analisis data melibatkan pemprosesan dan tafsiran data untuk membuat kesimpulan yang bermakna dan membuat cadangan.




Rajah 3.1: Kerangka Reka Bentuk Kajian.

3.2.1 Kaedah Kualitatif.

Kaedah kuantitatif merupakan kaedah pengumpulan data yang melibatkan penggunaan angka dan statistik. Statistik merupakan data perolehan yang melibatkan pengiraan seperti peratusan, median, moddan min. Ia merupakan pendekatan yang lebih berstruktur, makna yang jelas dan menumpukan hasil. Kaedah kuantitatif menggunakan kaedah soal selidik. Dengan penggunaan kaedah soal selidik, borang soal selidik dapat dijadikan disokongan dapatan kajian. Hasilnya akan menjadi lebih relevan kerana hasil hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan penggunaan angka. Bagi kajian ini perolehan data dari sumber primer adalah melibatkan kaedah tinjauan soal selidik.

3.3 Lokasi kajian

Lokasi kajian dipilih selaras dengan keperluan kajian persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial di Bandar Taiping, Muzium Perak sebagai kajian kes. Bandar Taiping, merupakan sebuah Bandar yang terletak di dalam kawasan Daerah Larut Matang dan Selama, Negeri Perak. Bandar ini berkeluasan 186.5 km. Bandar ini juga pernah dijadikan sebagai ibu negeri bagi Negeri Perak iaitu pada tahun sebelum 1937. Kini Bandar Taiping Merupakan ibu kota bagi Daerah Larut Matang dan Selama. Koordinat Bagi Bandar Taiping adalah $4^{\circ}50'36"N$ $100^{\circ}45'8"E$. manakala jumlah populasi di Bandar Taiping adalah sebanyak 241,517 orang (Banci Malaysia, 2020). Melalui lokasi kajian yang telah dipilih bagi kajian ini responden dari kalangan pelbagai latar peringkat umur di sekitar kawasan Bandar Taiping akan dipilih sebagai fokus responden selaras dengan objektif kajian iaitu mengenai persepsi masyarakat di Bandar Taiping terhadap Muzium Perak serta faktor yang mempengaruhinya.



Rajah 3.2: Peta Lokasi Bandar Taiping

(Sumber: Google Maps (2023) pada 6 Mei 2023 daripada

<https://www.google.com/maps/place/Taiping,+Perak/@4.8471781,100.7639835,12z/data=!4m6!3m5!1s0x31caae5495f2bee9:0x867dd409a89a1da6!m2!3d4.851932!4d100.7416339!16zL20vMDY3dmRn?entry=ttu>)

3.4 Polulasi Dan Sampel Kajian

Populasi merujuk kepada keseluruhan kumpulan yang ingin dikaji atau lokasi data akan diambil. Populasi boleh dalam bentuk individu, objek, atau unit lain yang mempunyai ciri atau ciri tertentu yang relevan dengan penyelidikan. Menurut Amirullah, SE., M.M. (2015) Populasi ialah himpunan elemen atau objek yang mempunyai maklumat yang dicari oleh penyelidik dan akan digunakan untuk membuat kesimpulan. Sampel adalah sebagian kecil dari populasi yang dipilih untuk dijadikan perwakilan dari populasi secara keseluruhan. Menurut Amirullah, SE., M.M. (2015), sampel adalah sub kumpulan populasi yang dipilih untuk digunakan dalam penyelidikan. Bagi kajian ini pengkaji akan memfokuskan populasi penduduk bandar taiping daripada pelbagai latar belakang sebagai responden kajian.

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan proses mengumpulkan maklumat atau data untuk tujuan penyelidikan, analisis, atau pemahaman lanjut mengenai

sesuatu topik atau isu. Terdapat dua sumber pengumpulan data iaitu data primer dan sata sekunder. Melalui dua sumber kaedah pengumpulan data ini pelbagai kaedah yang boleh digunakan untuk mengumpulkan data, dan pilihan kaedah yang sesuai bergantung kepada objektif kajian, jenis data yang dikehendaki, dan sumber maklumat yang tersedia. Bagi kajian ini kaedah pengumpulan data dan maklumat ialah dengan menggunakan sumber dari data primer dan data sekunder.

3.5.1 Data primer

Data primer merujuk kepada data yang diperoleh secara langsung daripada sumber utama. Menurut Rohana Yusof (2004), data primer merujuk kepada data yang diperoleh daripada sumber asal atau sumber pertama. Sumber data primer melibatkan responden dan pemberi maklumat. Data primer ialah data yang datang terus daripada sumber asal dan dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Menurut Hassan (2002), data primer merujuk kepada data yang diperoleh secara langsung di lapangan oleh penyiasat yang menjalankan penyelidikan. Data primer diperolehi melalui interaksi langsung dengan responden, seperti melalui temu bual, pemerhatian lapangan, dan data yang dikumpul tentang informan yang dijalankan oleh pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengumpulkan data atau maklumat secara langsung menggunakan instrumen yang telah ditetapkan. Penggunaan data primer sangat penting kerana data ini dianggap lebih tepat dan memberikan maklumat yang lebih terperinci.

3.5.1.1 Tinjauan soal selidik

Tinjauan soal selidik merupakan satu kaedah yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data. Menurut Tuckman (1988), kaedah tinjauan soal selidik merupakan pilihan yang lebih mudah karena dapat memperoleh kerjasama dari responden. melalui kaedah ini, responden memiliki kebebasan untuk memilih, menyuarakan pandangan, dan memberikan penilaian. Borang soal selidik juga boleh diedar sama ada secara langsung atau dalam talian. Bagi kajian ini borang soal selidik diedarkan kepada responden secara atas talian. Edaran borang soal selidik bagi kajian ini juga difokuskan hanya kepada responden dari kalangan masyarakat dan merupakan penduduk asal atau tetap di Bandar Taiping, Perak. Soalan-soalan dalam borang soal selidik akan dibuat dengan diteliti untuk mencapai objektif kajian. Setelah borang soal selidik dikumpulkan, data-data yang diperoleh dari responden akan dianalisis untuk mendapatkan maklumat yang relevan bagi menjawab objektif kajian.

3.5.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan maklumat atau data yang telah dikumpulkan oleh pihak lain atau dari sumber yang sedia ada. Menurut Hassan (2002), data sekunder merujuk kepada data yang telah wujud atau dikumpul daripada sumber sedia ada. Data ini digunakan untuk menyokong maklumat yang diperoleh dari sumber data primer yang telah diperolehi daripada pelbagai sumber seperti bahan perpustakaan, kajian lepas, buku, dan sebagainya. Selain itu, menurut Marican (2005) data sekunder ialah data yang dikumpul oleh penyelidik lain. Contohnya, data yang telah dikumpul daripada kajian lepas. Sumber yang diterbitkan digunakan sebagai rujukan untuk menjana maklumat baharu bagi menangani masalah yang mungkin timbul pada masa hadapan. Data sekunder tidak dikumpulkan secara langsung untuk tujuan kajian tertentu, tetapi boleh digunakan untuk tujuan analisis, pembandingan, atau pemahaman lanjut. Bagi kajian ini, pengkaji akan mengumpulkan data atau maklumat dari sumber data sekunder melalui kaedah carian internet, jurnal dan kepustakaan.

3.5.2.1 Internet

Carian maklumat melalui sumber Internet merupakan sumber data sekunder yang sangat luas. Melalui kaedah ini pengkaji dapat mengakses pelbagai maklumat yang pernah diterbitkan. Menurut noor Atirah (2019) penggunaan internet sebagai medium pembelajaran merupakan satu kaedah yang

amat berkesan dalam menyampaikan dan memperoleh pelbagai ilmu. Segala maklumat berkaitan pembelajaran, baik dalam bidang akademik maupun bukan akademik, boleh diakses dengan mudah. Bagi kajian ini penggunaan kaedah carian internet dapat memudahkan pengkaji membuat carian artikel dalam talian, laporan penyelidikan, statistik, dan pelbagai sumber lain yang boleh dijadikan sumber data sekunder bagi kajian ini. Maklumat penting yang diperloeh melalui internet boleh digunakan untuk tujuan analisis, perbandingan, dan perbincangan dalam kajian ini.

3.5.2.2 Jurnal

Jurnal ilmiah merupakan sumber data sekunder yang sangat penting dalam penyelidikan akademik. Pada umumnya jurnal mengandungi artikel yang ditulis oleh penyelidik dan ahli akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu. Jurnal ilmiah yang diterbitkan kebiasaannya akan melalui proses semakan, di mana pakar akan menilai artikel sebelum diterbitkan. Menurut Marusic (2009), jurnal saintifik ialah artikel yang mengandungi laporan penyelidikan yang disokong oleh data yang kukuh, yang berfungsi sebagai bukti bahawa hasil penyelidikan boleh dipertanggungjawabkan. Selain itu, Menurut Hakim (2012), jurnal ilmiah ialah penerbitan berkala yang

mengandungi penulisan ilmiah yang sah dan mengandungi data dan maklumat yang disediakan mengikut prinsip penulisan ilmiah. Bagi kajian ini, maklumat melalui sumber sekunder jurnal merupakan sumber yang sangat penting kerana maklumat yang diperoleh adalah antara maklumat yang relevan bagi kajian ini.

3.5.2.2 Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan merupakan sumber data sekunder yang penuh dengan maklumat kerana perpustakaan memiliki banyak sumber maklumat yang boleh digunakan oleh para pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam penyelidikan mereka. Menurut Sudirman, N. & Hamid, Z. (2016), kajian kepustakaan merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh penyelidik atau penulis bagi mendapatkan data dan maklumat melalui carian dan pembacaan dokumen dan rekod sedia ada. Melalui kaedah ini, mereka dapat mengumpul data sekunder yang menyokong dapatan kajian mereka. Antara sumber yang boleh diperoleh melalui kajian kepustakaan adalah melalui buku, dokumen, laporan, dan lain-lain lagi yang boleh didapati di perpustakaan. Melalui kajian ini pengkaji akan memanfaatkan sumber maklumat yang terdapat di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan untuk memperoleh maklumat yang

relevan bagi kajian ini.

Jadual 3.1: Jadual Kaedah Kajian.

| Bil | Objektif Kajian | Kaedah kajian |
|-----|--|-----------------------|
| 1. | Mengenalpasti persepsi masyarakat di Bandar Taiping terhadap bangunan Muzium Perak. | Tinjauan Soal selidik |
| 2. | Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap bangunan Muzium Perak. | Tinjauan Soal Selidik |

3.6 Analisis Data

Bagi kajian ini analisis data yang diperoleh dari hasil tinjauan soal selidik akan membantu pengkaji untuk memahami persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial, Muzium Perak dan faktor yang mempengaruhi. Data yang diperoleh dapat membantu dalam memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai topik kajian dan memberikan dasar untuk membuat kesimpulan atau cadangan yang berkaitan dengan penelitian yang sedang dilakukan. Menurut Krishna Rungta (2020), analisis data dijalankan dengan tujuan untuk mengekstrak maklumat berharga daripada data yang diperoleh dan membuat keputusan berdasarkan maklumat tersebut.

Selain itu, pengkaji juga perlu mengatur data secara teratur dan memastikan kekemasan data. Setelah data dikumpulkan, pengkaji akan memproses dan menyusun data secara sistematik. Langkah ini melibatkan penyusunan data dalam format yang lebih mudah dibaca dan difahami. Setelah data disusun, pengkaji akan menganalisis hasil dapatan kajian secara menyeluruh. Ini melibatkan pemahaman terhadap pola, hubungan, atau tren yang terdapat dalam data. Melalui proses analisis data ini, iaanya membantu pengkaji untuk memahami konteks dan maklumat yang terkandung dalam data yang diperoleh. Dengan pemahaman yang lebih mendalam, pengkaji dapat membuat kesimpulan atau cadangan yang berhubungan dengan topik kajian.

3.7 Penutup

Penulisan bab 3, iaitu metodologi kajian ini menerangkan berkaitan dengan penggunaan kaedah kualitatif untuk mengkaji persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial di Bandar Taiping iaitu Muzium Perak serta faktor yang mempengaruhinya sejajar dengan objektif kajian pada kajian yang dijalankan ini. Selain itu, reka bentuk kajian terdiri daripada empat peringkat, termasuk penyiasatan awal, kajian semula penyelidikan, pemilihan kaedah penyelidikan, dan analisis data. Data dikumpul melalui tinjauan soalan tinjauan soal selidik yang diedarkan secara dalam talian kepada responden dari kalangan masyarakat di Bandar Taiping. Lokasi kajian ialah Bandar Taiping di Negeri Perak. Kaedah pengumpulan data melibatkan sumber data primer melalui tinjauan soal selidik dan

data sekunder melalui carian internet, jurnal, dan kajian kepustakaan. Dan seterusnya analisis data dijalankan untuk memahami persepsi masyarakat dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kajian ini bertujuan untuk memberi pemahaman yang mendalam tentang persepsi masyarakat terhadap bangunan Muzium Perak dan membuat rumusan atau cadangan yang relevan.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bagi analisis faktor perbandingan dengan bangunan moden hanya terdapat satu pernyataan yang dikemukakan iaitu ‘Saya merasakan senibina binaan bangunan Muzium Perak lebih menarik dan unik berbanding seni bina bangunan moden pada masa kini’. Berdasarkan pernyataan ini jumlah responden yang memilih ‘Setuju’ dan ‘Tidak Pasti’ memiliki jumlah responden yang serupa iaitu masing-masing sebanyak 33.8% daripada jumlah keseluruhan responden atau berjumlah sebanyak 53 orang responden, menjadikan kedua-dua pilihan responden ini berkongsi kedudukan jumlah pilihan responden tertinggi berbanding pilihan yang lain. Jumlah bagi responden yang memilih ‘Sangat Setuju’ pula hanya seramai 36 orang responden atau 22.9% daripada jumlah keseluruhan 157 orang responden. Jumlah responden yang memilih ‘Tidak Setuju’ pula adalah sangat sedikit dibandingkan dengan jumlah responden yang memilih ‘Sangat Setuju’ iaitu seramai 14 orang responden atau 8.9% daripada jumlah keseluruhan responden. Jumlah yang memilih ‘Sangat Tidak Setuju’ pula adalah sebanyak seorang responden sahaja iaitu hanya seorang responden atau 0.6% daripada jumlah keseluruhan responden.

Berdasarkan analisis demografi responden bagi pilihan majoriti responden iaitu ‘Tidak Setuju’ dan ‘Setuju’ kerana yang memiliki jumlah responden yang sama iaitu masing-masing 53 orang responden atau 33.8% dari sudut demografi umur, majoriti responden yang memilih ‘Tidak Pasti’ adalah dari kalangan responden yang berlatar belakang umur ‘36 - 59 tahun’ sebanyak 19 orang responden atau 12.1% manakala majoriti responden yang memilih ‘Setuju’ pula adalah dari kalangan responden yang berlatar belakang umur ‘19 - 35 tahun’ iaitu sebanyak 21 orang responden atau 13.4%. Dari sudut demografi status sosial pula majoriti responden yang memilih ‘Tidak Pasti’ dan ‘Setuju’ terdiri daripada responden yang berlatar belakang yang sama iaitu ‘Bujang’ sebanyak 30 orang responden atau 19.1% yang memilih ‘Tidak Pasti’ dan 34 orang atau 21.7% yang memilih ‘Setuju’, dari sudut demografi pekerjaan pula majoriti responden yang memilih ‘Tidak Pasti’ dan ‘Setuju’ juga terdiri responden yang berlatar belakang sama iaitu ‘Pelajar’ seramai 25 orang atau 15.9%, yang memilih ‘Tidak Pasti’ dan 26 orang atau 16.6% yang memilih ‘Setuju’,

Manakala dari sudut demografi taraf pendidikan jumlah responden yang paling tinggi yang memilih ‘Tidak Pasti’ adalah dari kalangan responden yang berlatar belakang taraf pendidikan ‘Sekolah Menengah Atas’ dan ‘Diploma , ASASI, Matrikulasi, STPM dan STAM’ serta berkongsi jumlah yang sama iaitu masing-masing sebanyak 15 orang atau 19.6% dan yang memilih ‘Setuju’ majorit terdiri daripada responden yang berlatar belakang taraf pendidikan ‘Diploma , ASASI, Matrikulasi, STPM dan STAM’ iaitu sebanyak 17 orang atau 10.8%. Melalui analisis, dapat

dilihat secara jelas masyarakat di bandar Taiping sebahagian besarnya ‘Setuju’ bahawa mereka merasakan senibina binaan bangunan Muzium Perak lebih menarik dan unik berbanding senibina bangunan moden pada masa kini dan terdapat juga sebahagian besar masyarakat di bandar ini yang ‘Tidak Pasti’ sama ada senibina binaan bangunan Muzium Perak lebih menarik dan unik berbanding senibina bangunan moden pada masa kini.



Rajah 4.19: Graf analisis penyataan ‘Saya merasakan senibina binaan bangunan Muzium Perak lebih menarik dan unik berbanding senibina bangunan moden pada masa kini’.

Jadual 4.80: Analisis penyataan ‘Saya merasakan senibina binaan bangunan Muzium Perak lebih menarik dan unik berbanding senibina bangunan moden pada masa kini’ berdasarkan taburan demografi umur responden.

| Umur | Sangat Tidak | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju | Jumlah |
|------|--------------|--------------|-------------|--------|---------------|--------|
|------|--------------|--------------|-------------|--------|---------------|--------|

| | Setuju | | | | | |
|-------------------|---------------|--------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| 12 Tahun ke bawah | 0 (0%) | 0 (0%) | 2 (1.3%) | 1 (0.6%) | 0 (0%) | 3 (1.9%) |
| 13 - 18 Tahun | 1 (0.6%) | 9 (5.7%) | 17 (10.8%) | 19 (12.1%) | 12 (7.6%) | 58 (36.9%) |
| 19 - 35 Tahun | 0 (0%) | 2 (1.3%) | 14 (8.9%) | 21 (13.4%) | 12 (7.6%) | 49 (31.2%) |
| 36 - 59 Tahun | 0 (0%) | 2 (1.3%) | 19 (12.1%) | 11 (7%) | 12 (7.6%) | 44 (28%) |
| 60 Tahun ke atas | 0 (0%) | 1 (0.6%) | 1 (0.6%) | 1 (0.6%) | 0 (0%) | 3 (1.9%) |
| Jumlah | 1 (0.6%) | 14 (8.9%) | 53 (33.8%) | 53 (33.8%) | 36 (22.9%) | 157 (100%) |

Jadual 4.81: Analisis penyataan ‘Saya merasakan senibina binaan bangunan Muzium Perak lebih menarik dan unik berbanding senibina bangunan moden pada masa kini’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden.

| Status Sosial | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju | Jumlah |
|-----------------|---------------------|--------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| Bujang | 1 (0.6%) | 10 (6.4%) | 30 (19.1%) | 34 (21.7%) | 24 (15.3%) | 99 (63.1%) |
| Sudah Berkahwin | 0 (0%) | 4 (2.5%) | 23 (14.6%) | 19 (12.1%) | 12 (7.6%) | 58 (36.9%) |
| Jumlah | 1 (0.6%) | 14 (8.9%) | 53 (33.8%) | 53 (33.8%) | 36 (22.9%) | 157 (100%) |

Jadual 4.82: Analisis penyataan ‘Saya merasakan senibina binaan bangunan Muzium Perak lebih menarik dan unik berbanding senibina bangunan moden pada masa kini’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden.

| Pekerjaan | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju | Jumlah |
|-----------------|---------------------|--------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| Kerajaan | 0 (0%) | 0 (0%) | 7 (4.5%) | 8 (5%) | 6 (3.8%) | 21 (13.4%) |
| Swasta | 0 (0%) | 1 (0.6%) | 5 (3.2%) | 6 (3.8%) | 9 (5.7%) | 21 (13.4%) |
| Bekerja Sendiri | 0 (0%) | 1 (0.6%) | 11 (7%) | 7 (4.5%) | 4 (2.5%) | 23 (14.6%) |
| Pelajar | 1 (0.6%) | 10 (6.4%) | 25 (15.9%) | 26 (16.6%) | 16 (10.2%) | 78 (49.7%) |
| Tidak Bekerja | 0 (0%) | 2 (1.3%) | 5 (3.2%) | 6 (3.8%) | 1 (0.6%) | 14 (8.9%) |
| Jumlah | 1 (0.6%) | 14 (8.9%) | 53 (33.8%) | 53 (33.8%) | 36 (22.9%) | 157 (100%) |

Jadual 4.83: Analisis penyataan ‘Saya merasakan senibina binaan bangunan Muzium Perak lebih menarik dan unik berbanding senibina bangunan moden pada masa kini’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden.

| Taraf Pendidikan | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju | Jumlah |
|-------------------------------|---------------------|--------------|--------------|---------------|---------------|---------------|
| Sekolah Rendah | 0 (0%) | 0 (0%) | 2 (1.3%) | 1 (0.6%) | 0 (0%) | 3 (1.9%) |
| Sekolah Menengah Rendah | 0 (0%) | 5 (3.2%) | 6 (3.8%) | 3 (1.9%) | 6 (3.8%) | 20 (12.7%) |
| Sekolah Menengah Atas | 1 (0.6%) | 5 (3.2%) | 15 (9.6%) | 15 (9.6%) | 9 (5.7%) | 45 (28.7%) |
| Diploma / ASASI / Matrikulasi | 0 (0%) | 1 (0.6%) | 15 (9.6%) | 17 (10.8%) | 7 (4.5%) | 40 (25.5%) |

| / STPM / STAM | | | | | | |
|-------------------------------|-------------|--------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| Ijazah Sarjana Muda | 0 (0%) | 1 (0.6%) | 9 (5.7%) | 15 (9.6%) | 11 (7%) | 36 (22.9%) |
| Ijazah Sarjana (Master) | 0 (0%) | 0 (0%) | 1 (0.6%) | 1 (0.6%) | 1 (0.6%) | 3 (1.9%) |
| Doktor Falsafah (PHD) | 0 (0%) | 0 (0%) | 0 (0%) | 0 (0%) | 0 (0%) | 0 (0%) |
| Lain-lain | 0 (0%) | 2 (1.3%) | 5 (3.2%) | 1 (0.6%) | 2 (1.3%) | 10 (6.4%) |
| Jumlah | 1 (0.6%) | 14 (8.9%) | 53 (33.8%) | 53 (33.8%) | 36 (22.9%) | 157 (100%) |

4.4.7 Faktor Kesan Terhadap Dampak Sosial


Bagi analisis faktor kesan terhadap dampak sosial hanya terdapat satu pernyataan yang dikemukakan iaitu ‘Saya melihat dengan adanya bangunan Muzium Perak, ianya sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat setempat’. Berdasarkan pernyataan ini daripada jumlah keseluruhan 157 orang responden, jumlah responden yang memilih ‘Sangat Setuju’ adalah seramai 84 orang responden bersamaan 53.5% daripada jumlah keseluruhan responden. Berikutnya, jumlah responden yang memilih ‘Setuju’ pula adalah sebanyak 33.8% atau 53 orang responden daripada jumlah keseluruhan responden. Jumlah bagi responden yang memilih ‘Tidak Pasti’

pula menduduki kedudukan ketiga tertinggi iaitu seramai 20 orang responden atau 12.7% daripada jumlah keseluruhan responden.

Jumlah bagi responden yang memilih ‘Tidak Setuju, dan ‘Sangat Tidak Setuju’ pula menunjukkan tiada sebarang responden yang memilihnya dan mencatatkan masing-masing sebanyak 0% daripada 157 orang responden keseluruhan. Berdasarkan analisis demografi responden bagi pilihan majoriti responden iaitu ‘Sangat Setuju’ yang memiliki jumlah 84 orang responden atau 53.5% dari sudut demografi umur, majoriti responden adalah dari kalangan responden yang berlatar belakang umur ‘13 - 18 tahun’ iaitu sebanyak 29 orang responden atau 18.5%, dari sudut demografi status sosial pula majoriti terdiri daripada responden yang berlatar belakang ‘Bujang’ iaitu sebanyak 53 orang responden atau 33.5% daripada keseluruhan 84 orang responden.

Disamping itu, dari sudut demografi pekerjaan pula majoriti responden terdiri responden yang berlatar belakang ‘Pelajar’ iaitu seramai 37 orang atau 23.6%. Manakala dari sudut demografi taraf pendidikan pula jumlah responden yang paling tinggi adalah dari kalangan responden yang berlatar belakang taraf pendidikan ’Sekolah Menengah Atas’ iaitu sebanyak 26 orang atau 16.6% daripada jumlah keseluruhan 46 orang responden yang memilih ‘Sangat Setuju’. Berdasarkan analisis ini, dapat dilihat secara jelas masyarakat di bandar Taiping “Sangat Ssetuju” bahawa mereka melihat dengan adanya bangunan Muzium Perak, ianya sedikit sebanyak dapat

menyumbang kepada perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat setempat.



Rajah 4.20: Graf analisis penyataan ‘Saya melihat dengan adanya bangunan Muzium Perak, ianya sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat setempat’.

Jadual 4.84: Analisis penyataan ‘Saya melihat dengan adanya bangunan Muzium Perak, ianya sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat setempat’ berdasarkan taburan demografi umur responden.

| Umur | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju | Jumlah |
|-------------------|---------------------|--------------|--------------|---------------|---------------|---------------|
| 12 Tahun ke bawah | 0 (0%) | 0 (0%) | 1 (0.6%) | 2 (1.3%) | 0 (0%) | 3 (1.9%) |
| 13 - 18 Tahun | 0 (0%) | 0 (0%) | 10 (6.4%) | 19 (12.1%) | 29 (18.5%) | 58 (36.9%) |

| | | | | | | |
|------------------|--------|--------|------------|------------|------------|------------|
| 19 - 35 Tahun | 0 (0%) | 0 (0%) | 4 (2.5%) | 18 (11.5%) | 27 (17.2%) | 49 (31.2%) |
| 36 - 59 Tahun | 0 (0%) | 0 (0%) | 5 (3.2%) | 12 (7.6%) | 27 (17.2%) | 44 (28%) |
| 60 Tahun ke atas | 0 (0%) | 0 (0%) | 0 (0%) | 2 (1.3%) | 1 (0.6%) | 3 (1.9%) |
| Jumlah | 0 (0%) | 0 (0%) | 20 (12.7%) | 53 (33.8%) | 84 (53.5%) | 157 (100%) |

Jadual 4.85: Analisis penyataan ‘Saya melihat dengan adanya bangunan Muzium Perak, ianya sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat setempat’ berdasarkan taburan demografi status sosial responden.

| Status Sosial | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju | Jumlah |
|-----------------|---------------------|--------------|-------------|------------|---------------|------------|
| Bujang | 0 (0%) | 0 (0%) | 14 (8.9%) | 32 (20.4%) | 53 (33.5%) | 99 (63.1%) |
| Sudah Berkahwin | 0 (0%) | 0 (0%) | 6 (3.8%) | 21 (13.4%) | 31 (19.7%) | 58 (36.9%) |
| Jumlah | 0 (0%) | 0 (0%) | 20 (12.7%) | 53 (33.8%) | 84 (53.5%) | 157 (100%) |

Jadual 4.86: Analisis penyataan ‘Saya melihat dengan adanya bangunan Muzium Perak, ianya sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat setempat’ berdasarkan taburan demografi pekerjaan responden.

| Pekerjaan | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju | Jumlah |
|-----------|---------------------|--------------|-------------|--------|---------------|--------|
| Kerajaan | 0 | 0 | 2 | 6 | 13 | 21 |

| | (0%) | (0%) | (1.3%) | (3.8%) | (8.3%) | (13.4%) |
|-----------------|-----------|-----------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| Swasta | 0 (0%) | 0 (0%) | 1 (0.6%) | 9 (5.7%) | 11 (7%) | 21 (13.4%) |
| Bekerja Sendiri | 0 (0%) | 0 (0%) | 1 (0.6%) | 7 (4.5%) | 15 (9.6%) | 23 (14.6%) |
| Pelajar | 0 (0%) | 0 (0%) | 12 (7.6%) | 29 (18.5%) | 37 (23.6%) | 78 (49.7%) |
| Tidak Bekerja | 0 (0%) | 0 (0%) | 4 (2.5%) | 2 (1.3%) | 8 (5%) | 14 (8.9%) |
| Jumlah | 0 (0%) | 0 (0%) | 20 (12.7%) | 53 (33.8%) | 84 (53.5%) | 157 (100%) |

Jadual 4.87: Analisis penyataan ‘Saya melihat dengan adanya bangunan Muzium Perak, ianya sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat setempat’ berdasarkan taburan demografi taraf pendidikan responden.

| Taraf Pendidikan | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju | Jumlah |
|---|---------------------|--------------|-------------|--------------|---------------|---------------|
| Sekolah Rendah | 0 (0%) | 0 (0%) | 1 (0.6%) | 2 (1.3%) | 0 (0%) | 3 (1.9%) |
| Sekolah Menengah Rendah | 0 (0%) | 0 (0%) | 7 (4.5%) | 4 (2.5%) | 9 (5.7%) | 20 (12.7%) |
| Sekolah Menengah Atas | 0 (0%) | 0 (0%) | 5 (3.2%) | 14 (8.9%) | 26 (16.6%) | 45 (28.7%) |
| Diploma / ASASI / Matrikulasi / STPM / STAM | 0 (0%) | 0 (0%) | 4 (2.5%) | 15 (9.6%) | 21 (13.4%) | 40 (25.5%) |
| Ijazah Sarjana Muda | 0 (0%) | 0 (0%) | 2 (1.3%) | 12 (7.6%) | 22 (14%) | 36 (22.9%) |

| | | | | | | |
|-------------------------|-----------|-----------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| Ijazah Sarjana (Master) | 0 (0%) | 0 (0%) | 0 (0%) | 2 (1.3%) | 1 (0.6%) | 3 (1.9%) |
| Doktor Falsafah (PHD) | 0 (0%) | 0 (0%) | 0 (0%) | 0 (0%) | 0 (0%) | 0 (0%) |
| Lain-lain | 0 (0%) | 0 (0%) | 1 (0.6%) | 4 (2.5%) | 5 (3.2%) | 10 (6.4%) |
| Jumlah | 0 (0%) | 0 (0%) | 20 (12.7%) | 53 (33.8%) | 84 (53.5%) | 157 (100%) |

4.4 Penutup

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan mendapati sebahagian besar responden yang terlibat dengan kajian adalah dari kalangan responden yang berumur berlatar belakang 13 hingga 59 tahun. Selain itu, tidak dapat dinafikan majoriti responden juga berlatar belakangkan status sosial bujang dan sebahagian besar responden juga ada dari kalangan responden yang berlatar belakang pelajar dan masih belum bekerja. Disamping itu majoriti responden bagi kajian ini juga ada terdiri daripada responden yang memiliki latar belakang taraf pendidikan Sekolah Menengah Atas, Diploma , ASASI, Matrikulasi, STPM, STAM dan Ijazah Sarjana Muda.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Penulisan bab ini akan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai rumusan analisis kajian berdasarkan data dan maklumat yang diperoleh oleh penyelidik melalui kajian yang telah dijalankan berdasarkan tajuk dan objektif kajian ini. Selain itu bahagian ini juga akan dikemukakan beberapa cadangan yang mengaitkan bangunan Muzium. Rumusan dan cadangan bagi kajian ini dapat membantu dalam pelaksanaan projek penyelidikan.

5.2 Rumusan

Bahagian rumusan ini menerangkan merumuskan hasil analisis persepsi masyarakat di bandar Taiping terhadap bangunan Muzium Perak dan hasil analisis faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial, Muzium Perak. Melalui pemerhatian dan data yang diperolehi, rumusan ini memberi gambaran terperinci tentang respon masyarakat terhadap kehadiran dan kepentingan bangunan bersejarah ini. Justeru itu, hasil analisis ini menjurus kepada

pemahaman yang mendalam tentang persepsi orang ramai terhadap Muzium Perak, serta faktor-faktor yang memberi kesan yang besar terhadap pandangan mereka terhadap bangunan penjajah ini.

5.2.1 Rumusan Analisis Persepsi Masyarakat Di Bandar Taiping Terhadap Bangunan Muzium Perak.

Bahagian ini akan merumuskan analisis kajian berdasarkan analisis persepsi masyarakat di bandar Taiping terhadap bangunan Muzium Perak yang terdapat pada bahagian bab 4.4, “Dapatan Kajian” bagi kajian ini. Bahagian juga akan mengemukakan rumusan analisis terhadap persepsi dari aspek sejarah dan kepentingan bangunan Muzium Perak, rumusan analisis terhadap persepsi dari aspek pengalaman dan emosi, rumusan analisis terhadap persepsi dari aspek pengaruh kepada komuniti dan perkembangan bandar taiping, rumusan analisis terhadap persepsi dari aspek pemeliharaan dan konservasi dan akhir sekali rumusan analisis terhadap persepsi dari aspek peranan terhadap pendidikan dan pelancongan.

5.2.1.1 Rumusan Analisis Terhadap Persepsi Dari Aspek Sejarah Dan Kepentingan Bangunan Muzium Perak

Rumusan analisis terhadap persepsi dari aspek sejarah dan kepentingan bangunan Muzium Perak berdasarkan dua buah

penyataan yang dikemukakan dalam kajian ini, pernyataan pertama iaitu ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak hanya sebagai bangunan bersejarah yang ditinggalkan oleh bekas penjajah’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Setuju’ dengan pernyataan tersebut (Rajah 4.1) yang terdiri dari kalangan masyarakat yang berumur 19 - 35 tahun (Jadual 4.8), berstatus sosial bujang (Jadual 4.9), kalangan pelajar (Jadual 4.10) dan berlatar belakang taraf pendidikan Diploma , ASASI, Matrikulasi, SPM dan STAM (Jadual 4.11).

Selain itu, bagi pernyataan kedua ‘Saya beranggapan kewujudan bangunan Muzium Perak, memainkan peranan yang penting terhadap kepentingan sejarah bandar Taiping, Negeri Perak dan Negara’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Sangat Setuju’ dengan pernyataan yang telah dikemukakan (Rajah 4.2). Masyarakat yang memilih ‘Sangat Setuju’ bagi pernyataan ini adalah terdiri daripada kalangan masyarakat yang berumur 19 - 35 tahun (Jadual 4.12), berstatus sosial bujang (Jadual 4.13), kalangan pelajar (Jadual 4.14) dan berlatar belakang taraf pendidikan Sekolah Menengah Atas (Jadual 4.15).

5.2.1.2 Rumusan Analisis Terhadap Persepsi Dari Aspek Pengalaman Dan Emosi

Rumusan analisis terhadap persepsi dari aspek pengalaman dan emosi, berdasarkan dua buah pernyataan yang dikemukakan dalam kajian ini iaitu pernyataan pertama ‘Sewaktu melawat bangunan Muzium Perak saya melihat bangunan berkenaan sebagai sebuah binaan yang hebat dan megah serta boleh dibanggakan’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Setuju’ dengan pernyataan yang telah dikemukakan (Rajah 4.3), yang terdiri daripada kalangan masyarakat yang berumur 13 - 18 tahun (Jadual 4.16), berstatus sosial bujang (Jadual 4.17), kalangan pelajar (Jadual 4.18) dan berlatar belakang taraf pendidikan Sekolah Menengah Atas, Diploma , ASASI, Matrikulasi, STPM dan STAM (Jadual 4.19).

Seterusnya, bagi pernyataan kedua iaitu ‘Sewaktu melawat bangunan Muzium Perak saya melihat bangunan berkenaan sebagai sebuah binaan yang hebat dan megah serta boleh dibanggakan’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Sangat Setuju’ dengan pernyataan yang telah dikemukakan (Rajah 4.4) serta terdiri dari kalangan masyarakat yang berumur 36 - 59 tahun (Jadual 4.20), berstatus sosial bujang (Jadual 4.21), sudah berkahwin (Jadual 4.22), kalangan pelajar dan berlatar belakang taraf pendidikan Diploma , ASASI, Matrikulasi, STPM dan STAM (Jadual 4.23).

5.2.2.3 Rumusan Analisis Terhadap Persepsi Dari Aspek Pengaruh Kepada Komuniti dan perkembangan Bandar Taiping

Rumusan analisis terhadap persepsi dari aspek penaruh kepada komuniti dan perkembangan bandar Taiping, berdasarkan dua buah pernyataan yang dikemukakan dalam kajian ini, pernyataan pertama iaitu ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai penyumbang kepada sektor ekonomi dan perkembangan Bandar Taiping’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Setuju’ dan ‘Sangat Setuju’ dengan pernyataan tersebut (Rajah 4.5) dan terdiri dari kalangan masyarakat yang berumur 13 - 18 tahun (Jadual 4.24), berstatus sosial bujang (Jadual 4.25), kalangan pelajar (Jadual 4.26) dan berlatar belakang taraf pendidikan Sekolah Menengah Atas, Diploma , ASASI, Matrikulasi, STPM dan STAM (Jadual 4.27).

Berikutnya, bagi pernyataan kedua, iaitu ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai sebahagian daripada identiti dan budaya di Bandar Taiping’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Setuju’ terhadap pernyataan yang telah dikemukakan (Rajah 4.6). Masyarakat yang memilih ‘Setuju’ bagi pernyataan ini adalah terdiri dari kalangan masyarakat yang berumur 13 - 35 tahun (Jadual 4.28), berstatus sosial bujang (Jadual 4.29), kalangan pelajar (Jadual 4.30) dan berlatar belakang taraf pendidikan Diploma , ASASI, Matrikulasi, STPM dan STAM (Jadual 4.31).

5.2.2.4 Rumusan Analisis Terhadap Persepsi Dari Aspek Pemeliharaan

Dan Konservasi

Rumusan analisis terhadap persepsi dari aspek pemeliharaan dan konservasi, berdasarkan dua buah pernyataan yang dikemukakan dalam kajian ini, pernyataan pertama iaitu ‘Saya beranggapan bangunan Muzium Perak sebagai sebuah bangunan yang sudah berusia dan perlu diselenggara serta dipelihara dengan baik’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Sangat Setuju’ dengan pernyataan tersebut (Rajah 4.7) yang terdiri dari kalangan masyarakat yang berumur 19 - 35 tahun (Jadual 4.32), berstatus sosial bujang (Jadual 4.33), kalangan pelajar (Jadual 4.34) dan belakang taraf pendidikan Diploma , ASASI, Matrikulasi, STPM dan STAM (Jadual 4.35).

Seterusnya, bagi pernyataan kedua iaitu ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai sebuah bangunan lama dan berusia serta memerlukan pemuliharaan yang teliti’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Sangat Setuju’ dengan pernyataan yang telah dikemukakan (Rajah 4.8) serta terdiri dari kalangan masyarakat yang berumur 13 - 18 tahun (Jadual 4.36), berstatus sosial bujang (Jadual 4.37), kalangan pelajar (Jadual 4.38) dan belakang taraf pendidikan Diploma , ASASI, Matrikulasi, STPM dan STAM (Jadual 4.39).

5.2.2.5 Rumusan Analisis Terhadap Persepsi Dari Aspek Peranan Terhadap Pendidikan Dan Pelancongan

Rumusan analisis terhadap persepsi dari aspek peranan terhadap pendidikan dan pelancongan, berdasarkan dua buah pernyataan yang dikemukakan dalam kajian ini iaitu pernyataan pertama ‘Saya beranggapan bangunan Muzium Perak banyak memainkan peranan sebagai institusi pendidikan’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Sangat Setuju’ dengan pernyataan yang telah dikemukakan (Rajah 4.9), yang terdiri daripada kalangan masyarakat yang berumur 19 - 35 tahun (Jadual 4.40), berstatus sosial bujang (Jadual 4.41), kalangan pelajar (Jadual 4.42) dan belakang taraf pendidikan Ijazah Sarjana Muda (Jadual 4.43).

Selain itu, bagi pernyataan kedua ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai ikon yang memainkan peranan yang penting dalam sektor pelancongan di Bandar Taiping’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Sangat Setuju’ dengan pernyataan yang telah dikemukakan (Rajah 4.10). Masyarakat yang memilih ‘Sangat Setuju’ bagi pernyataan ini adalah terdiri daripada kalangan masyarakat yang berumur 13 - 18 tahun (Jadual 4.44), berstatus sosial bujang (Jadual 4.45), kalangan pelajar (Jadual 4.46) dan belakang taraf pendidikan Diploma , ASASI, Matrikulasi, STPM, STAM dan Ijazah Sarjana Muda (Jadual 4.47).

5.2.2 Rumusan Analisis Faktor Yang Mempengaruhi Persepsi Masyarakat Terhadap Bangunan Kolonial, Muzium Perak.

Bahagian ini akan merumuskan analisis kajian berdasarkan analisis faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap bangunan kolonial, muzium perak yang terdapat pada bahagian bab 4.4, “Dapatkan Kajian” bagi kajian ini. Di bahagian ini penyelidik akan mengemukakan rumusan terhadap faktor pengetahuan dan pendidikan, rumusan terhadap faktor pengalaman pribadi dan emosi, rumusan terhadap faktor pengaruh media dan representasi budaya, rumusan terhadap faktor perkaitan identiti nasional dan budaya, rumusan terhadap faktor persepsi pemeliharaan, rumusan terhadap faktor perbandingan dengan bangunan moden, dan akhir sekali rumusan terhadap faktor kesan terhadap dampak sosial.

5.2.2.1 Rumusan Analisis Terhadap Faktor Pengetahuan Dan Pendidikan

Rumusan analisis terhadap faktor pengetahuan dan pendidikan berdasarkan dua buah pernyataan yang dikemukakan dalam kajian ini, pernyataan pertama iaitu ‘Saya mempunyai banyak pengetahuan berkaitan sejarah di negara ini termasuk mengenai bangunan Muzium Perak’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Tidak Pasti’ dengan pernyataan tersebut (Rajah 4.11) yang

terdiri dari kalangan masyarakat yang berumur 13 - 35 tahun (Jadual 4.48), berstatus sosial bujang (Jadual 4.49), kalangan pelajar (Jadual 4.50) dan berlatar belakang taraf pendidikan Sekolah Menengah Atas (Jadual 4.51).

Selain itu, bagi pernyataan kedua ‘Saya mendapat akses maklumat dan data melalui internet, perpustakaan dan institusi pendidikan dengan baik mengenai bangunan Muzium Perak’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Sangat Setuju’ dengan pernyataan yang telah dikemukakan (Rajah 4.12). Masyarakat yang memilih ‘Sangat Setuju’ bagi pernyataan ini adalah terdiri daripada kalangan masyarakat yang berumur 13 - 18 tahun (Jadual 4.52), berstatus sosial bujang (Jadual 4.53), kalangan pelajar (Jadual 4.54) dan belakang taraf pendidikan Diploma, ASASI, Matrikulasi, STPM dan STAM (Jadual 4.55).

5.2.2.2 Rumusan Analisis Terhadap Faktor Pengalaman Pribadi Dan Emosi

Rumusan analisis terhadap faktor pengalaman pribadi dan emosi, berdasarkan dua buah pernyataan yang dikemukakan dalam kajian ini iaitu pernyataan pertama ‘Saya merasa teruja dan takjub ketika melihat bangunan Muzium Perak sewaktu melawat bangunan tersebut’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Tidak Pasti’

dengan pernyataan yang telah dikemukakan (Rajah 4.13), yang terdiri daripada kalangan masyarakat yang berumur 13 - 18 tahun (Jadual 4.56), berstatus sosial bujang (Jadual 4.57), kalangan pelajar (Jadual 4.58) dan belakang taraf pendidikan Sekolah Menengah Atas (Jadual 4.59).

Seterusnya, bagi pernyataan kedua iaitu ‘Ketika melawat bangunan Muzium Perak saya pernah merasakan perasaan hiba dan kecewa kerana mengetahui ia adalah tinggalan bekas penjajah’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Setuju’ dengan pernyataan yang telah dikemukakan (Rajah 4.14) serta terdiri dari kalangan masyarakat yang berumur 13 - 18 tahun (Jadual 4.60), berstatus sosial bujang (Jadual 4.61), kalangan pelajar (Jadual 4.62) dan belakang taraf pendidikan Sekolah Menengah Atas (Jadual 4.63).

5.2.2.3 Rumusan Terhadap Analisis Faktor Pengaruh Media Dan Representasi Budaya

Rumusan terhadap analisis faktor pengaruh media dan representasi budaya, berdasarkan dua buah pernyataan yang dikemukakan dalam kajian ini, pernyataan pertama iaitu ‘Saya kerap melihat bangunan Muzium Perak disiarkan di dalam media massa seperti siaran televisyen, surat khabar, majalah dan lain-lain’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Setuju’ dengan pernyataan

tersebut (Rajah 4.15) dan terdiri dari kalangan masyarakat yang berumur 13- 18 tahun (Jadual 4.64), berstatus sosial bujang (Jadual 4.65), kalangan pelajar (Jadual 4.66) dan belakang taraf pendidikan Sekolah Menengah Atas (Jadual 4.67).

Berikutnya, bagi pernyataan kedua, iaitu ‘Saya kerap melihat bangunan Muzium Perak disiarkan di dalam media sosial terkini seperti youtube, tiktok, facebook, instagram dan sebagainya’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Setuju’ terhadap pernyataan yang telah dikemukakan (Rajah 4.16). Masyarakat yang memilih ‘Setuju’ bagi pernyataan ini adalah terdiri dari kalangan masyarakat yang berumur 13 - 18 tahun (Jadual 4.68), berstatus sosial bujang (Jadual 4.69), kalangan pelajar (Jadual 4.70) dan belakang taraf pendidikan Diploma , ASASI, Matrikulasi, STPM dan STAM (Jadual 4.71).

5.2.2.4 Rumusan Analisis Terhadap Faktor Perkaitan Identiti Nasional Dan Budaya

Rumusan analisis terhadap faktor perkaitan identiti nasional dan budaya, berdasarkan pernyataan yang dikemukakan dalam kajian ini, iaitu ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak telah menjadi lambang identiti dan budaya di Bandar Taiping’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Setuju’ dengan pernyataan tersebut

(Rajah 4.17) yang terdiri dari kalangan masyarakat yang berumur 19 - 35 tahun (Jadual 4.72), berstatus sosial bujang (Jadual 4.73), kalangan pelajar (Jadual 4.74) dan belakang taraf pendidikan Sekolah Menengah Atas (Jadual 4.75).

5.2.2.5 Rumusan Analisis Terhadap Faktor Persepsi Pemeliharaan

Rumusan analisis terhadap faktor persepsi pemeliharaan, berdasarkan pernyataan yang dikemukakan iaitu ‘Saya melihat bangunan Muzium Perak sebagai sebuah bangunan lama dan berusia serta memerlukan pemuliharaan yang teliti’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Sangat Setuju’ dengan pernyataan yang telah dikemukakan (Rajah 4.18) serta terdiri dari kalangan masyarakat yang berumur 13 - 18 tahun (Jadual 4.76), berstatus sosial bujang (Jadual 4.77), kalangan pelajar (Jadual 4.78) dan belakang taraf pendidikan Diploma , ASASI, Matrikulasi, STPM dan STAM (Jadual 4.79).

5.2.2.6 Rumusan Analisis Terhadap Faktor Perbandingan Dengan Bangunan Moden

Rumusan analisis terhadap faktor perbandingan dengan bangunan moden, berdasarkan pernyataan yang dikemukakan dalam

kajian ini, iaitu ‘Saya merasakan senibina binaan bangunan Muzium Perak lebih menarik dan unik berbanding seni bina bangunan moden pada masa kini’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Tidak Pasti’ dan ‘Setuju’ dengan pernyataan tersebut (Rajah 4.19). Masyarakat yang memilih ‘Tidak Pasti’ majoriti terdiri dari kalangan masyarakat yang berumur 36 - 59 tahun (Jadual 4.80), berstatus sosial bujang (Jadual 4.81), kalangan pelajar (Jadual 4.82) dan berlatar belakang taraf pendidikan Sekolah Menengah Atas, Diploma , ASASI, Matrikulasi, STPM dan STAM (Jadual 4.83). Manakala masyarakat yang memilih ‘Setuju’ majoritinya terdiri dari kalangan masyarakat yang berumur 19 - 35 tahun (Jadual 4.80), berstatus sosial bujang (Jadual 4.81), kalangan pelajar (Jadual 4.82) dan berlatar belakang taraf pendidikan Diploma , ASASI, Matrikulasi, STPM dan STAM (Jadual 4.83).

5.2.2.7 Rumusan ATerhadap Faktor Kesan Terhadap Dampak Sosial

Rumusan analisis terhadap faktor kesan terhadap dampak sosial, berdasarkan pernyataan yang dikemukakan dalam kajian ini iaitu ‘Saya melihat dengan adanya bangunan Muzium Perak, ianya sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat setempat’ majoriti masyarakat di bandar Taiping ‘Sangat Setuju’ dengan pernyataan yang telah dikemukakan (Rajah 4.20), yang terdiri daripada majoritinya kalangan masyarakat

yang berumur 13 - 18 tahun (Jadual 4.84), berstatus sosial bujang (Jadual 4.85), kalangan pelajar (Jadual 4.86) dan belakang taraf pendidikan Sekolah Menengah Atas (Jadual 4.87).

5.3 Cadangan

Dalam bahagian cadangan ini, penyelidik ingin mencadangkan dua inisiatif penting yang bertujuan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam warisan sejarah bangunan Muzium Perak. Dibahagian cadangan ini juga penyelidik mengemukakan dua buah cadangan iaitu inisiatif meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap bangunan muzium perak dan inisiatif meningkatkan pengetahuan masyarakat terhadap bangunan muzium perak. Melalui cadangan yang kemukakan ini, diharapkan orang ramai akan lebih sedar dan menghargai kekayaan sejarah yang terkandung di dalam bangunan muzium Perak. Dengan peningkatan kesedaran dan pengetahuan ini, warisan sejarah tempatan akan terus dipelihara dan diteruskan kepada generasi akan datang, memastikan pemeliharaan dan kepentingannya dalam identiti masyarakat tempatan.

5.3.1 Inisiatif Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Terhadap Bangunan Muzium Perak

Bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap Bangunan Muzium Perak, pihak berkuasa yang bertanggungjawab di bawah kelolaan

Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan boleh mengambil pelbagai inisiatif terutamanya melalui promosi pelancongan dan pendidikan. Pihak berkuasa boleh memanfaatkan inisiatif pelancongan untuk mempromosikan Bangunan Muzium Perak seperti mengadakan program lawatan khas yang dapat menonjolkan keunikan dan nilai sejarah bangunan tersebut. Pihak berkuasa juga boleh menerbitkan risalah, panduan perjalanan, iklan dalam media tempatan dan dalam talian atau apa-apa medium yang berkesan yang boleh digunakan untuk menarik perhatian pelancong. Di samping itu, pihak berkuasa boleh menganjurkan program pakej pelancongan yang termasuk lawatan ke bangunan Muzium Perak sebagai sebahagian daripada lokasi lawatan. Seterusnya, pihak pengurusan bangunan Muzium Perak sendiri boleh bekerjasama dengan komuniti atau organisasi tempatan untuk meningkatkan kesedaran tentang bangunan Muzium Perak.

Kerjasama ini mungkin melibatkan penganjuran acara bersama, seperti pameran, expo, karnival, aktiviti kebudayaan, bengkel dan lain-lain lagi. Melalui aktiviti dan program yang dijalankan ini, pihak pengurusan bangunan Muzium Perak boleh menjemput sukarelawan tempatan untuk terlibat bersama dalam aktiviti yang dijalankan seterusnya dapat memupuk hubungan yang lebih erat antara bangunan Muzium Perak dan masyarakat. Selain itu, pihak pengurusan Muzium Perak juga boleh menggunakan media sosial untuk menyebarkan maklumat dan mempromosikan aktiviti yang akan dijalankan di bangunan Muzium Perak melalui cara ini ia dilihat membantu menarik perhatian masyarakat terutamanya generasi muda yang

lebih terdedah dengan platform media sosial. Oleh itu, dengan pelbagai inisiatif ini, diharapkan kesedaran orang ramai terhadap Bangunan Muzium Perak dapat ditingkatkan, dan muzium ini dapat menjadi destinasi yang lebih menarik dan dihargai oleh penduduk dan pelancong tempatan.

5.3.2 Inisiatif Meningkatkan Pengetahuan Masyarakat Terhadap Bangunan Muzium Perak

Bagi menambah pengetahuan orang ramai tentang bangunan Muzium Perak, Kementerian Pendidikan dan Majlis Perbandaran Taiping boleh menjalankan beberapa inisiatif yang proaktif. Antaranya, Kementerian Pendidikan boleh memainkan peranan dengan memasukkan maklumat berkaitan bangunan Muzium Perak dalam sukanan pelajaran. Dengan memasukkan topik ini dalam kurikulum, pelajar akan memperoleh pengetahuan yang mendalam tentang sejarah dan kepentingan bangunan tersebut. Selain itu, Majlis Bandaraya Taiping juga boleh mengambil inisiatif dengan mengadakan kempen atau acara untuk memberi penerangan tentang bangunan warisan di Bandaraya Taiping. Acara ini mungkin termasuk pameran foto, ceramah dan aktiviti interaktif untuk melibatkan komuniti setempat. Kempen ini boleh diiklankan melalui media sosial, pemasangan iklan di kawasan strategik, dan kerjasama dengan sekolah tempatan.

Selain itu, kerjasama antara Kementerian Pendidikan dan Majlis Perbandaran Taiping dapat diperkuuhkan dengan mengadakan lawatan pendidikan secara berkala. Pelajar boleh dijemput untuk melawat Bangunan Muzium Perak sebagai sebahagian daripada program pendidikan mereka. Ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk belajar secara langsung tetapi juga menggalakkan kecenderungan untuk menghargai warisan tempatan. Justeru itu, dengan gabungan inisiatif Kementerian Pendidikan dan Majlis Perbandaran Taiping, diharapkan pengetahuan masyarakat tentang Bangunan Muzium Perak akan meningkat dengan ke tahap yang lebih baik dari sekarang. Melibatkan semua lapisan masyarakat dan mendekatkan mereka dengan warisan budaya melalui pendidikan dan acara komuniti dapat mencapai matlamat ini dengan lebih berkesan.

5.4 Penutup

Melalui kajian ini dapat disimpulkan bahawa Bangunan Muzium Perak merupakan sebuah binaan bersejarah yang penting. Selain itu, Bandar Taiping, juga merupakan bandar yang penuh dengan nilai warisan sejarah. Oleh itu kajian ini penting untuk memastikan ianya terus dipelihara dan dihargai. Perkongsian mengenai maklumat dan data kajian terhadap Muzium Perak sedikit sebanyak diharapkan mampu memberikan impak kepada masyarakat serta dapat meningkatkan lagi kesedaran masyarakat tempatan mengenai kepentingnya dalam komuniti setempat dan samping dapat melahirkan rasa tanggungjawab untuk memelihiaranya dan menghargainya.

Rujukan

- Abdul Rahman Haji Abdullah (1994). *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Publication Kintan Sdn Bhd.
- Ahmad Hafis. (2012). *Pemeliharaan Bandar Taiping Sebagai Bandar Warisan Dan Pelancongan Di Negeri Perak* [Review of *Pemeliharaan Bandar Taiping Sebagai Bandar Warisan Dan Pelancongan Di Negeri Perak*]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Amirullah, SE., M.M. (2015). *Populasi Dan Sampel*. [Review Of populasi Dan Sampel]. Bayumedia Publishing Malang.
- Ayu. S. (2017). *Kajian Kesejahteraan Masyarakat Pembuat Gula merah Desa Rejodadi Kecamatan Cimanggu Kebupaten Cilacap* - Retrieved Januari 23. 2023 from <https://repository.ump.ac.id/3630/>
- Barbara Piscitelli, & David Anderson. (2001). *Young Children's Perspectives of Museum Settings and Experiences* [Review of *Young Children's Perspectives of Museum Settings and Experiences*]. *Museum Management and Curatorship*.
- Bill. A. (2021). *As Passed by the House*. Retrieve from <https://www.novoco.com/sites/default/files/atoms/files/ohio-htc-oz-sb225engrossed-06022022.pdf>
- COM. *International Council of Museums*. (2007). *Museum Definition*. Diambil dari: <https://icom.museum/en/resources/standards-guidelines/museum-definition/>
- Fatimah Zuraidi. (2011). *Masalah Dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan Di Malaysia* [Review Of *Masalah Dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan Di Malaysia*] . *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial Unimas 2011: Pembangunanke Arah Masa Depan Yang Mapan*.

- Hafizah, B. (1998). *Sejarah Dan Identiti Senibina Kolonial Incgekis Di Bandar Taiping Perak,*. Retrieved Januari 23, 2023 Diambil dari: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/1279/2/1279.pdf>
- Hamid, A., Adam, S., Ali, F., Mohamed Anuar, A., Ali, M., Ahmad Termimi, E., Meeranghani, M., Ramli, K., Chuah, R., Hassan, K., Omar, M., Bolong, S., & Ghani, J. (2016). *Aplikasi Media Sosial Dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris : Persepsi Pelajar Universiti.* Is-sues in Language
- Kamarudin, A. (2016, January 2). *Persediaan Emosi Menghadapi Akil Baligh: Remaja Perempuan.* PORTAL MyHEALTH. <http://www.myhealth.gov.my/1-16/>
- Lilawati. (2008). *Pemuliharaan dan Penyesuaigunaan Semula Bangunan Bersejarah Bagi Menyokong Industri Pelancongan Warisan Negara* [Review of *Pemuliharaan dan Penyesuaigunaan Semula Bangunan Bersejarah Bagi Menyokong Industri Pelancongan Warisan Negara*]. Fakulti Senibina, Perancangan Dan Ukur, Universiti Teknologi Mara, Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia.
- Marcus, A.S, Stoddard, J.D.,& Woodward, W.W.(2012). *Teaching history with museums.* New York, NY: Routledge.Paper presented at the Annual Conference of the College and Faculty Assembly, National Council for the Social Studies, Atlanta, GA.
- Nespor, J.(2000). *School field trips and the curriculum of public spaces.* Journal of Curriculum Studies,32(1),25-43.Olofsson, U.K.(1979). Museum and children. Paris, France: UNESCO.
- S.Azman Ligun, Mohd Mahzan Awang, bdul Razaq Ahmad, & ohd Isa Hamzah. (2017). *Muzium Sebagai Instrumen Pembelajaran sejarah Luar Bilik Darjah* [Review Of *Muzium Sebagai Instrumen Pembelajaran sejarah Luar Bilik Darjah*]. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik.*

Suryaningrat, R. F. a. W. M. (n.d.). *Pribadi dan masyarakat / Soerjono Soekanto*. Perpustakaan Sekolah Tinggi Ilmu Kepolisian (STIK). Diambil dari: <http://library.stik-ptik.ac.id/detail?id=42955&lokasi=lokal>

Soetomo. (1946). *Pembangunan masyarakat merangkai sebuah kerangka*. : Pustaka Pelajar.

Strategi “pancing” pelajar kunjungi muzium. (2015, Ogos 9). Berita Harian. Diambil dari: <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/08/73386/strategi-pancing-pelajar-kunjungi-muzium>

The Burra Charter. (1999). *The Australian ICOMOS Charter for the Conservation of Places of Cultural Significance*. Diambil dari: <http://www.icomos.org/australia/burra.html>

Tracy, J. (2017). *Muzium Perak. Malay Culture & Heritage Digital Repository*. Diambil dari: <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/19442890.2022.2071788>.

UNESCO (1972) *The World Heritage Convention*. Diambil dari : <http://whc.unesco.org/en/convention/>